



MALAYSIA

# PENYATA RASMI PARLIMEN

## PARLIAMENTARY DEBATES

### DEWAN NEGARA

*Senate*

### PARLIMEN KETUJUH

*Seventh Parliament*

### PENGGAL KEDUA

*Second Session*

---

Jilid II

Bil. 17

Hari Khamis

1hb Disember, 1988

---

#### KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Ruangan 1)

#### RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Bidan (Pindaan dan Perluasan)

(Ruangan 34)

Rang Undang-undang Imigresen (Pindaan)

(Ruangan 94)

#### USUL:

Aturan Urusan Mesyuarat

(Ruangan 95)



**MALAYSIA**

**DEWAN NEGARA**

**Khamis, 1hb Disember, 1988**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**

**D 0 A**

[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**TEMPAT TARIKAN PELANCONG DI SABAH**

1. **Tuan Pandikar Amin bin Haji Mulia** minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan sama ada Kementeriannya ada mengenalpasti tempat-tempat menarik yang lain di Sabah untuk pelancongan selain dari tempat-tempat yang sedia ada sekarang ini untuk menarik lebih ramai bilangan pelancong yang akan berkunjung ke Negeri Sabah sama ada dari luar ataupun dalam negeri .

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan**

**[Tuan Abdul Rahman bin Suliman]:** Tuan Yang di-Pertua, negeri Sabah memang mempunyai banyak tempat-tempat tarikan pelancong yang berpotensi. Walau bagaimanapun, buat masa ini Kementerian tidak bercadang untuk mewujudkan tempat-tempat pelancongan yang baru selain daripada meningkatkan tahap-tahap kemudahan di tempat-tempat yang sedia ada itu.

**Tuan Hamid Araby bin Haji Md. Salih:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berkaitan dengan melancong ke Sabah, saya ingin tahu apakah inisiatif yang sedang diambil oleh Kementerian yang berkenaan dengan kerjasama Kementerian Kewangan untuk mengurangkan tambang MAS dari Semenanjung ke Sabah?

**Tuan Abdul Rahman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua, memang kita mempunyai Jawatankuasa-jawatankuasa tertentu membincangkan perkara-perkara di antaranya seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat yang berkenaan. Walau bagaimanapun, oleh kerana perkara tambang MAS ini bukan di bawah Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan maka saya tidak dapat menjawab bagi pihak Kementerian yang berkenaan.

**Tuan R.M Jasni:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Menteri yang berkenaan apakah bentuk tahap kemudahan yang akan diberi kepada kemudahan-kemudahan pelancongan yang sedia ada di Sabah itu?

**Tuan Abdul Rahman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana tempat-tempat pelancongan adalah berbagai-bagai, umpamanya seperti di Sabah kita mempunyai kawasan pergunungan, kawasan pantai dan juga taman-taman tertentu, maka sudah tentulah kemudahan-kemudahan juga adalah berbagai-bagai dan saya tidak dapat menjawab dengan ringkas mengenai kemudahan-kemudahan yang diperlukan. Walau bagaimanapun saya akah sampaikan kepada Yang Berhormat secara bertulis kerana maklumatnya begitu panjang sekali.

#### SUKA MEMBACA - KAJIAN

2. **Dr. Nordin Selat** minta Menteri Pendidikan memberitahu tentang keadaan masyarakat kita bersabit dengan sikap "suka membaca". Adakah masyarakat kita suka membaca atau tidak. Jika tidak kenapa, dan apakah langkah Kerajaan untuk menggalakkan rakyat negara ini suka membaca.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Dr. Leo Michael Toyad]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, satu kajian telah dijalankan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka mengenai "Minat Membaca" di negara kita ini dan kajian itu telah mendapati kira-kira 40 - 50% rakyat Malaysia tidak membaca bahan-bahan bacaan seperti surat-khabar, majalah dan buku-buku. Di antara sebab-sebab kurangnya minat membaca di kalangan rakyat negara ini ialah:

- (i) tidak mempunyai minat membaca;
- (ii) terlalu banyak aktiviti lain;
- (iii) tidak cukup wang untuk membeli bahan bacaan;
- (iv) harga buku yang mahal;
- (v) sukar mendapat bahan bacaan seterusnya bagi penduduk di desa dan juga luar bandar;

Untuk mengatasi masalah ini, di antara langkah-langkah yang dijalankan untuk menggalakkan rakyat kita suka membaca , pihak Karajaan melalui agensi-agensi seperti Kementerian Pendidikan, Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, Majlis Kemajuan Buku Kebangsaan Malaysia sedang menjalankan aktiviti-aktiviti di peringkat Kebangsaan, peringkat Negeri dan juga di peringkat Daerah , termasuk sekolah-sekolah melalui aktiviti-aktiviti seperti:

- (i) penggalakan membaca melalui media massa
- (ii) pameran dan pesta buku;
- (iii) majlis pelancaran buku oleh Dewan Bahasa dan Pustaka termasuk penerbit swasta;
- (iv) mengadakan Bulan Perpustakaan;
- (v) mengadakan promosi perpustakaan di rumah;
- (vi) seminar pembacaan (pendedahan untuk guru-guru);
- (vii) khemah membaca untuk pelajar;
- (viii) mengadakan kuiz pengetahuan;
- (ix) mengadakan sessi ulasan dan ceramah buku di peringkat sekolah;

dan juga di antara langkah-langkah yang lain ialah Minggu Bacaan di peringkat sekolah dan juga memberi hadiah kepada pelajar-pelajar yang berjaya dalam bidang akademik dan ko-kurikulum.

**Tuan Haji Hamid Araby bin Md. Salih:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Benarkah bacaan buku-buku ilmiah kanak-kanak sekolah rendah selain daripada buku-buku sekolah masih tidak mencukupi?

**Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan Ahli Yang Berhormat itu mengenai buku ilmiah ini, kebanyakan buku-buku di peringkat sekolah-sekolah kita memang memadai. Yang kita katakan tidak mencukupi ialah di peringkat pengajian tinggi di mana kita masih berusaha untuk mengeluarkan supaya buku-buku ilmiah yang diterjemah, buku-buku ilmiah yang asal dan asli dari penulis-penulis tempatan kita dalam Bahasa Malaysia kita masih kurang.

#### PINJAMAN LUAR NEGERI

3. **Dato' Dr. K.S. Nijhar** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada pihak beliau mengenepikan keperluan mendapatkan kelulusan Bank Negara oleh sektor swasta apabila mendapatkan pinjaman luar yang kurang daripada M\$10 juta.

**Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Mohamed Farid bin Ariffin]:** Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini Kementerian Kewangan tidak bercadang untuk mengenepikan keperluan untuk mendapat kelulusan Bank Negara Malaysia bagi sektor swasta yang ingin memperolehi pinjaman luar negeri yang kurang daripada M\$10 juta. Ini adalah kerana pinjaman luar negeri akan melibatkan tuntutan ke atas rizab negara pada masa hadapan. Dengan sebab itu, pinjaman-pinjaman luar negeri perlu dikawal bagi memastikan bahawa ianya digunakan untuk tujuan-tujuan yang benar-benar produktif, khususnya bagi membiayai projek-projek yang boleh menghasilkan sekurang-kurangnya pendapatan dalam matawang asing yang mencukupi untuk membayar balik pinjaman yang berkenaan.

**TEMBAKAU - HASIL KELUARAN**

4. **Tuan Mohd. Noor bin Bedah** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) hasil keluaran tembakau dalam tahun 1987 dan tahun ini;
- (b) jumlah quota kluasan penanaman tembakau yang diluluskan oleh Kerajaan bagi tahun 1988 dan untuk tahun 1989; dan
- (c) kajian dan usaha yang dijalankan bagi melakaanakan projek tanaman tembakau secara perladangan untuk ekaport.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah [Tuan Adam bin Abdul Kadir]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab bagi pihak Menteri Perusahaan Utama.

Tuan Yang di-Pertua, hasil keluaran tembakau dalam tahun 1987 dan tahun ini adalah seperti berikut:

Tahun	Daun Tembakau Basah	Daun Tembakau Kering
1987	119 juta kg. (Nilai: \$73.3 juta)	10.7 juta kg. (Nilai: \$132.6 juta)
1988	67.7 juta kg. (Nilai: \$46.9 juta)	7.3 juta kg. (Nilai: \$94.6 juta)

(b) Untuk makluman Yang Berhormat, kuota yang biasa dirujukkan ialah kuota pengeluaran dan bukannya kuota kluasan tanaman seperti-mana yang disebutkan dalam soalan. Dengan itu jumlah (quantity) kuota pengeluaran tembakau kering yang ditetapkan bagi tahun 1988 ialah sebanyak 8.1 juta kilo, manakala bagi tahun 1989 pula ialah 11.4 juta kilo.

(c) Satu kajian mengenai potensi menanam tembakau secara besar-besaran bagi tujuan eksport telahpun dijalankan dan laporan awal mengenainya telah disiapkan pada tahun 1986. Bagaimanapun, hasil kajian tersebut mendapati potensinya adalah tipis pada masa ini kerana masalah mutu dan kos pengeluaran yang sukar untuk dapat bersaing di dalam pasaran antarabangsa.

Di samping kajian tersebut, pihak Kementerian Perusahaan Utama sendiri pernah memberi peluang kepada sebuah syarikat perladangan swasta untuk mengkaji dan mencuba ke arah penanaman tembakau untuk eksport. Syarikat tersebut juga membatalkan rancangan selepas kajian kemungkinan dijalankan. Walaupun sekarang ini potensi negara ini mengekaport tembakau adalah tipis, namun usaha-usaha ke arah menjadikan tembakau sebagai salah satu bahan eksport dalam jangka masa panjang akan diteruskan. Bagi tujuan tersebut, sistem penge- luaran yang dianggap lebih cekap dan dijangka dapat mengeluarkan tembakau yang lebih bermutu iaitu sistem penanaman pengawit telahpun diperkenalkan untuk nantinya dijadikan ukuran keupayaan kita untuk mengeksport tembakau.

Di samping itu, Kerajaan melalui MARBI dan pengilang-pengilang rokok sedang berusaha menjalankan penyelidikan bagi mengurangkan kos pengeluaran dan meningkatkan mutu tembakau keluaran negara ini supaya pada satu ketika nanti diharapkan dapat bersaing dengan pengeluar-pengeluar tembakau yang lain.

**Puan Habidah binti Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua soalan tambahan. Saya ingin mendapat tahu dari Kementerian yang berkenaan setakat ini negeri manakah di Malaysia ini yang terbanyak sekali menanam tembakau. Dan adakah Kerajaan bercadang untuk mempergiatkan lagi tembakau ini di negeri-negeri di sebelah Pantai Timur, khususnya Terengganu memandangkan masih banyak tanah-tanah yang terbiar yang amat sesuai dengan tanaman tersebut, di samping boleh mengurangkan pengangguran.

**Tuan Adam bin Abdul Kadir:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada pada waktu ini mempunyai maklumat negeri manakah yang menanam tembakau banyak sekali, tetapi saya ingin menyatakan bahawa Kerajaan sedang berusaha untuk menaikkan mutu pengeluaran penanaman tembakau ini ke tahap yang lebih memuaskan untuk kita menjadikannya sebagai bahan eksport sepertimana yang saya sebutkan di awal jawapan saya tadi. Tetapi kalau tidak silap saya, sebelum saya minta Yang Berhormat minta notis, negerinya ialah Kelantan.

**Tuan C. Krishnan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kempen jangan merokok itu menjajaikan pengeluaran tembakau. Jika ya, apakah tindakan telah diambil oleh Kementerian Perusahaan Utama untuk memulihkan pengeluar-pengeluar tembakau.

**Tuan Adam bin Abdul Kadir:** Tuan Yang di-Pertua, sehingga sekarang ini belum ada statistik lagi hendak diukurkan di antara kempen jangan menghisap rokok dengan tahap pengeluaran tembakau di negara ini. Tetapi kalau kita pandang pengeluaran pada tahun 1987 berbanding dengan tahun 1986, nyata sekali pengeluaran bagi tahun 1987 adalah berkurangan daripada pengeluaran tahun 1986. Sumber sebab yang kita diberitahu ialah bahawa kuota ini ditetapkan untuk menjaga aupaya pengeluaran itu tidak berlebihan daripada sepatutnya supaya pengilang-pengilang rokok tidak membuat tindakan dengan tidak mengambil tembakau yang dianggap tidak boleh dipakai, jadi cuba mengelak supaya pengeluaran sesuai dengan permintaan yang dibuat oleh syarikat-syarikat tembakau.

**Puan Mazidah binti Haji Zakaria:** Tuan Yang di-Pertua, soalan saya ini sedikit mengenai dengan soalan tambahan yang kedua tadi, tetapi caranya lain sedikit iaitu daripada jawapan yang diberikan sebentar tadi ternyata seperti yang telah diakui sendiri oleh Yang Berhormat tadi bahawa dari segi hasil pengeluarannya, jumlah hasil yang dipungut daripada tembakau ini berkurangan daripada tahun 1987 ke 1988, ertiinya kurang hasil yang diterima.

Yang keaua, jawapan juga mengatakan negara kita terpaksa melakukan penyelidikan-penyelidikan yang lebih lagi untuk menandingi mutu keluaran tembakau-tebakau di peringkat antarabangsa, iaitu mungkin mengambil masa yang panjang juga sebelum kita mencapai tahap yang boleh kita ini setanding dengan pengeluaran tembakau di antarabangsa.

Yang ketiganya, oleh kerana kegiatan sekarang ini makin meningkat dalam perkara tidak menggalakkan orang merokok, jadi dalam lain perkataan, jika hasil daripada kempen larangan merokok ini berhasil, makin lama makin kurang penggunaan tembakau ini bererti **permintaannya berkurangan**.

Jadi, 3 daripada sebab-sebab ini tadi menunjukkan kemungkinan perusahaan tembakau ini tidak sepatut kita teruskan. Jadi, kalau memandangkan kepada sebab-sebab ini dan banyak lagi sebab-sebab lain yang boleh kita kaitkan, tidak adakah rancangan lain daripada pihak Kementerian untuk menukar pengeluaran tembakau ini dengan penge- luaran yang lain untuk mengambil alih pengeluaran tembakau ini se- bagai satu perusahaan.

**Tuan Adam bin Abdul Kadir:** Tuan Yang di-Pertua, nampaknya soalan itu panjang sangat. Sebenarnya untuk mengatakan sama ada Kementerian akan mencari langkah untuk mengganti perusahaan tembakau ini, saya rasa kita perlukan sedikit notis. Tetapi untuk diberikan sebagai tambahan maklumat, saya percaya perkembangan dalam dunia ada hubung kaitnya dengan apa yang berlaku di negara ini. Satu maklumat ialah sebuah syarikat yang sangat-sangat besar dalam dunia iaitu RGR NABISCO, sebuah syarikat rokok yang terbesar dalam dunia sekarang ini sedang dalam proses untuk membeli sebuah syarikat yang mengeluarkan makanan. Jadi, terdapat satu usaha untuk mempelbagai- kan hasil-hasil pengeluaran syarikat-syarikat seperti itu. Saya percaya lama-kelamaan perkembangan seperti ini akan juga berlaku di Malaysia, hanya soal masa sahaja. Jadi, saya rasa kalau kita hendak menjawab apakah langkah Kementerian untuk mengalihkan kepada lapangan lain, kita perlukan sedikit notis.

**Beberapa Ahli: [Bangum]**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Cukup, minta maaf.

**BAHASA IBUNDA (POL)**

5. **Tuan Lim Heng Tee** minta Menteri Pendidikan menyatakan bahawa bagi menggalakkan murid-murid mempelajari Bahasa Ibunda atau (POL), adakah Kementeriannya akan menimbangkan mengadakan kelas-kelas berkenaan secara otomatik sekiranya mempunyai seramai 15 orang murid atau lebih.

**Dr Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan akan mengadakan kelas-kelas bahasa Cina dan bahasa Tamil seandainya penubuhan kelas-kelas berkenaan mematuhi syarat-syarat Akta Pelajaran iaitu:-

- (a) hendaklah terdapat tidak kurang daripada 15 orang ibu bapa memohon supaya anak-anak mereka mengikuti kelas-kelas berkenaan;
- (b) sekolah mempunyai kemudahan dan guru untuk mengajar bahasa-bahasa berkenaan.

Untuk mengadakan kelas-kelas bahasa Cina dan bahasa Tamil secara otomatik sekiranya mempunyai seramai 15 orang murid, sukar dijalankan kerana bukan semua murid dari sejumlah 15 orang itu yang ingin mempelajari bahasa Cina dan bahaaa Tamil. Jadi, permohonan dari ibu bapa diperlukan. Jika kelas-kelas ini diadakan secara otomatik Kementerian takut ini akan merupakan satu paksaan.

**Tuan G. Rajoo:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan sedar matapelajaran bahasa ibunda dimulakan di sekolah-sekolah S.K. dan S.R.K. tiap-tiap tahun pada bulan Mac dan tamat pada bulan Oktober? Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan mengambil tindakan, agar matapelajaran ibunda ini dimulakan seperti matapelajaran biasa yang lain iaitu dimulakan pada awal tahun dan tamat di penghujung tahun?

**Dr. Leo Michael Toyad:** Saya tidak berapa faham kenyataan Ahli

Yang Berhormat tadi, tetapi yang penting saya tekankan di sini bahawa dalam kurikulum KBSR, kita pastikan bahawa dalam Sekolah Kebangsaan kita kedua-dua bahasa iaitu Bahasa Kebangsaan atau Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris adalah menjadi dua bahasa teras. Dalam sekolah SRJK(C) atau SRJK(T), dalam tahap pertama kita mengadakan Bahasa Malaysia dan bahasa ibunda itu - kita tidak pernah menggunakan istilah bahasa ibunda tetapi bahasa Cina dan bahasa Tamil - diberi masa untuk dipelajari dan dalam pada itu masa dibahagikan supaya sesuai untuk kanak-kanak kita belajar dan mengikut keadaan setempat.

**Tuan Chan Choong Tak:** Tuan Yang di-Pertua, selain daripada bahasa Cina dan bahasa Tamil, apakah bahasa yang lain, kalau ada, diajari sebagai bahasa ibunda di seluruh Malaysia ini termasuk Sabah dan Sarawak?

**Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini ada terkeluar daripada soalan asal sedikit. Tetapi untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam kurikulum kita sekarang di peringkat sekolah rendah dan di peringkat kebangsaan matapelajaran yang telah diajar ialah bahasa Inggeris, Bahasa Malaysia, bahasa China dan bahasa Tamil.

**Puan Ainon binti Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Timbalan Menteri berkenaan 2 perkara, pertama mengenai istilah bahasa ibunda. Apakah bahasa Jawa, bahasa Banjar itu bahasa ibunda? Kalau itu istilahnya, boleh atau tidak bahasa Jawa, bahasa Banjar, bahasa Minang dan bahasa Solok diajar juga di sekolah-sekolah sepetimana bahasa Cina dan bahasa India, sebab kita sudah ada Bahasa Malaysia, Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan asal dari

Ahli Yang Berhormat itu adalah sama ada kita ingin menggalakkan bahasa ibunda di sini. Tadi dalam jawapan asal tadi saya telah menyatakan bahawa kita ada mengajar Bahasa Malaysia, bahasa Inggeris, bahasa Cina dan bahasa Tamil. Istilah bahasa ibunda adalah termasuk dalam soalan ini. Kalau Yang Berhormat ingin menjelaskan erti kata ini, kerana soalan asalnya apakah bahasa yang diajar di sekolah-sekolah kita dan bahasa ibunda ini adalah satu istilah yang pernah dipakai oleh Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk Yang Berhormat Tuan Lim Heng Tee yang boleh menjelaskan ini kepada Yang Berhormat, kalau diizinkan.

#### HARGA KERETA TERPAKAI

**6. Tuan Dahalan bin Haji Embun** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan memandangkan terdapat banyak sekali manipulasi harga kereta terpakai yang diimport dan juga harga kereta tempatan, mengapakah pihak Kementerian tidak mensyaratkan supaya pihak penjual kereta terpakai tersebut mempamerkan harga seperti barang-barang lain dalam pasaran.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian [Dato' Kok Wee Kiat]:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan hanya mewajibkan 111 jenis barang-barang perlu sahaja dipamerkan tanda harganya mengikut kehendak Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga oleh Penjual Runcit) 1977, Kereta termasuk kereta terpakai tidaklah termasuk di dalam senarai barang-barang ini. Kerajaan tidak bercadang untuk mensyaratkan penjual kereta terpakai mempamerkan tanda barga ke atas kereta jualannya.

Walau bagaimanapun, Kerajaan adalah mengawal harga kereta baru yang dipasang dalam negeri untuk tujuan mengawasi pembangunan industri kereta motor tempatan. Dengan itu maka sedikit sebanyak ia akan juga memberi kesan kepada harga kereta terpakai. Dalam

mengawal harga kereta baru, Kerajaan sentiasa mempastikan supaya syarikat-syarikat berkenaan tidak menaikkan harga keretanya dengan sewenang-wenangnya.

**Tuan Haji Hamid Araby bin Md. Salih:** Soalan, tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Apakah sebab-sebabnya Kementerian berkenaan masih mengeluarkan AP mengimport kereta-kereta terpakai atau, dengan izin, reconditioned cars ke Malaysia pada hal kita sudah ada kereta PROTON SAGA dan kereta-kereta yang terpakai di Malaysia ini terlalu banyak dalam pasaran?

**Dato' Kok Wee Kiat:** Tuan Yang di-Pertua, tadi saya sudah menjelaskan tujuan Kerajaan adalah mengawasi pembangunan industri kereta motor tempatan. Kalau kita membebaskan mengimport kereta-kereta terpakai yang banyak mestilah akan menjadikan industri tempatan kita. Saya tidak bersetuju kalau ada banyak Proton Saga terpakai di negara kita, kita, haruslah dibebaskan mengimport kereta-kereta terpakai yang lain dari negara kita oleh kerana akibatnya pun terjejas pasaran kereta di tempatan.

**Tuan Haji Hamid Araby bin Md. Salih:** Tuan Yang di-Pertua, saya masih tidak puas hati dengan jawapan ini, sebab kita lihat hari ini ada banyak kereta-kereta terpakai yang boleh dijual dengan harga sama lebih kurang, murah lagi daripada reconditioned car. Maksud saya yang saya tanya tadi, apakah sebabnya yang kita perlu mengimport lagi kereta-kereta, reconditioned car ini masuk sampai, dijual di pasaran padahal kereta terpakai yang ada pun tidak boleh, hendak dijual?

**Dato' Kok Wee Kiat:** Maaflah, Tuan Yang di-Pertua, minta maaf kalau saya telah salah faham soalan dari Yang Berhormat. Tetapi di sini saya hendak menjelaskan dan menekankan Kerajaan kita sudah mengurangkan organisasi-organisasi atau penjual-penjual yang dahulu ada dapat AP untuk mengimport kereta terpakai. Contohnya, pada tahun ini Kerajaan kita sudah menghapuskan 137 penjual-penjual dari sejumlah 210 organisasi yang dapat mengimport kereta terpakai.

Di sini saya hendak beritahu kepada Dewan yang mulia ini, kereta perdagangan terpakai yang diimport dari tempoh 1hb Januari tahun ini hingga 1hb Ogos tahun ini adalah 115 buah sahaja ke negara ini. Jumlah ini termasuk Sabah dan Sarawak.

**MEROKOK DALAM KENDERAAN AWAM**

**7. Tuan K. Sivalingan** minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa masih ada orangramai, termasuk pemandu dan konduktor, merokok dalam kenderaan awam, walaupun ada undang-undang melarang merokok dalam kenderaan awam. Apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan untuk mengawal keadaan ini,

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail]:**

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pengangkutan sedar masih ada penumpang, pemandu dan konduktor merokok dalam kenderaan perkhidmatan awam, tetapi saya sukah menegaskan bahawa Jabatan Pengangkutan Jalan sentiasa menjalankan tindakan penguatkuasaan dan mengambil tindakan ke atas pemandu dan konduktor yang didapati bersalah. Tindakan penguatkuasaan diambil semasa pegawai-pegawai Jabatan Pengangkutan Jalan menjalankan operasi sekatan jalan atau rondaan dan apabila menerima aduan-adaan daripada penumpang kenderaan perkhidmatan awam.

Untuk membolehkan Jabatan Pengangkutan Jalan menjalankan siasatan yang berkesan dan segera, pengadu-pengadu diminta membekalkan butir-butir yang lengkap, seperti nombor lencana pemandu atau konduktor, nombor pendaftaran kenderaan perkhidmatan awam **itu**, masa dan tarikh serta nama jalan atau tempat kejadian itu berlaku.

Untuk maklunan Ahli Yang Berhormat, bagi tempoh 1hb Januari hingga 31hb Oktober 1988, bagi kawasan Lembah Kelang, jumlah kes merokok dalam bas dan teksi yang diambil tindakan ialah sebanyak 26, di mana 20 kes telah dikenakan tindakan kompaun berjumlah \$940.00, 2 kes diberi amaran dan 4 kes masih dalam siasatan. Kesalahan ini melibatkan 5 bas berhenti-henti, 18 bas mini dan 3 teksi.

Di samping tindakan penguatkuasaan, tuanpunya kenderaan perkhidmatan awam khasnya bas, juga telah diminta supaya mengawasi pemandu dan konduktor agar tidak merokok di dalam bas. Bagi kes yang melibatkan orangramai, saya sukalah menggesa supaya mereka bekerjasama untuk menentukan larangan merokok dalam kenderaan perkhidmatan awam ini dipatuhi .

**Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya, adakah larangan ini termasuk kepada penumpang feri, bot dan juga keretapi kerana ada juga yang berbuat demikian?

**Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, larangan ini tidak termasuk kepada penumpang feri, bot dan keretapi kerana peruntukan yang melarang pemandu, konduktor dan penunpang merokok dalam kenderaan perkhidmatan awam adalah termaktub di bawah Kaedah-kaedah Kenderaan Perkhidmatan Awam (Pelesenan dan Kelakuan Pemandu, Konduktor dan Penumpang) 1959.

#### PELAN INDUK PERINDUSTRIAN

**8. Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan untuk tempoh sepuluh tahun dari 1986 hingga 1995 merupakan tempoh Rancangan Pelan Induk Perindustrian. Dalam tempoh yang singkat ini sektor perkilangan telah berkembang begitu pesat sekali dan ini telah membawa kepada pemerosesan bahan-bahan mentah pertanian negara seperti getah, koko dan kelapa sawit menjadi barang siap dan separuh siap. Daripada bahan-bahan mentah ini, berapakah nilai 'product value added' yang memberikan sumbangan pendapatan kepada negara.

**Dato' Kok Wee Kiat:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat mungkin sedia maklum, di bawah Pelan Induk Perindustrian (PIP) sebanyak 12 sektor perindustrian telah dikenalpasti untuk dimajukan. Di antaranya ialah sektor perkilangan yang berdasarkan getah, kelapa sawit dan pemerosesan makanan termasuk koko. PIP telah mengenalpasti beberapa strategi yang perlu dilaksanakan bagi memusatkan perkembangan industri perkilangan di sektor-sektor berkenaan bagi membolehkan negara mendapat faedah yang lebih dengan memproses bahan-bahan tersebut dan mengeksportnya dalam bentuk barang siap dan separuh siap. Dengan meningkatkan pemerosesan bahan-bahan tersebut, negara memperolehi hasil yang lebih tinggi kerana bahan-bahan yang telah diproses itu mempunyai nilai ditambah yang lebih tinggi berbanding dengan dalam bentuk mentah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya perangkaan rasmi yang diterbitkan mengenai nilai tambah bagi setiap bahan-bahan mentah yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah setakat ini untuk tahun 1985 dan oleh itu terkeluar jangka masa PIP. Walau bagaimanapun, untuk membolehkan Ahli Yang Berhormat mendapat gambaran tentang sumbangan keluaran-keluaran berdasarkan bahan-bahan tersebut kepada pendapatan negara, sukalah saya memberi perangkaan-perangkaan mengenai pendapatan eksport bagi keluaran perkilangan bahan-bahan tersebut untuk tempoh dua tahun yang lepas seperti berikut:-

**Tahun 1986****Tahun 1987****Keluaran**

<b>Perkilangan</b>	<b>\$ juta</b>	<b>% pendapatan</b>	<b>1</b>	<b>\$ juta</b>	<b>% pendapatan</b>	<b>eksport</b>
			<b>eksport</b>			
Getah	395. 7	1.1		581. 1	1.3	
Kelapa Sawit	3,035.4	8.5		3,227.6	7.2	
Koko	148.9	0.41		180. 13	0.39	

**KEBUDAYAAN MALAYSIA**

9. **Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif** minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan apakah bentuk kebudayaan Malaysia yang boleh melambangkan pengenalan Malaysia kepada pelancong-pelancong luar negeri sempena dengan Perayaan Malaysia Fest 1990.

**Tuan Abdul Raman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab, ingin saya mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat mengenai baris terakhir iaitu "sempena dengan Perayaan Malaysia Fest 1990" atau 'sempena dengan Tahun Melawat Malaysia' kerana tahun 1990 juga Tahun Melawat Malaysia.

**Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif:** Tuan Yang di-Pertua, Tahun Melawat Malaysia.

**Tuan Abdul Raman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua, kebudayaan Malaysia adalah kebudayaan yang unik dan berbeza dari kebudayaan lain-lain negara. Rakyat Malaysia yang berbagai keturunan, adat resam hidup dalam keharmonian menjalankan kegiatan kebudayaan yang pelbagai di bawah lingkungan 'Dasar Kebudayaan Kebangsaan' dan sistem pemerintahan di Malaysia jelas melambangkan keperibadian Malaysia.

Segala bentuk kebudayaan sama ada dalam bidang kesenian atau kerohanian melambangkan keperibadian Malaysia akan menjadi acara di dalam program-program kebudayaan untuk dilaksanakan 'Sempena Perayaan Tahun Melawat Malaysia 1990'. Acara-acara yang merangkumi

acara kesenian, seperti pesta kesenian yang menonjolkan kesenian, tradisi rakyat Malayaia sama ada dalam bentuk tarian ataupun theater tradisi pameran hasil kerjatangan, senjata tradisi, pakaian dan lain-lain permainan tradisi seperti gasing, **wau**, sepakraga, seni silat dan lain-lain pesta masakan Malaysia dan lain-lain lagi akan diketengahkan.

Sementara itu aspek kerohanian rakyat Malaysia pula seperti budi bahasa, disiplin, kejujuran, bersopan-santun, hormat-menghormati, bersih, cekap dan amanah dan **lain-lain** akan ditekankan sebagai pengenalan Malaysia kepada pelancong.

**Puan Hazidah binti Haji Zakaria:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik hati dengan jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi, hanya kalau bolehlah dia menerangkan lebih sedikit tentang bagaimana agaknya kita akan menunjukkan atau langkah-langkah yang akan diambil untuk memastikan soal kerohanian ini ditonjolkan, kerana yang lain itu dari segi dan barangang boleh kita lihat, tetapi dari segi kerohanian ini strateginya macamana Yang Berhormat?

**Tuan Abdul Raman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua, kita mempunyai Urusetia Program Tahun Melawat Malaysia ini dan kita telahpun menu buhkan beberapa Jawatankuasa bagi mempastikan 'Tahun Melawat Malaysia' ini mencapai kejayaan yang diharapkan. Oleh itu, melalui Jawatankuasa-jawatankuasa dan Kementerian ini sendiri, kita dari semasa ke semasa menganjurkan seminar-seminar, perjumpaan-perjumpaan bagi pihak-pihak yang terlibat secara langsung dengan pelancongan.

Begitu juga kita akan melakaanakan satu program kita, iaitu di mana agensi-agensi Kerajaan yang terlibat secara langsung dengan pelancong-pelancong yang datang ke negara kita seperti pihak Imigeresen, Kastam dan sebagainya akan diberi penekanan dalam program untuk mempastikan bahawa sambutan kepada pelancong-pelacong dapat diberikan ataupun dapat digambarkan kepada pelancong-pelancong, bahawa sikap rakyat Malaysia ini adalah sangat baik jika dibandingkan dengan sikap pihak-pihak yang lain.

Kita juga menganjurkan dengan pihak orangramai bagaimana sifat yang baik itu boleh menjadi sebagai satu daya tarikan kepada pelancong-pelancong bagi mempastikan program kita ini mencapai kejayaan yang maksima.

#### **PELABUR ASING**

10. **Tuan Hassan bin Nam** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan dan memberi penjelasan apakah benar dakwaan sesetengah pihak termasuk pelabur-pelabur asing bahawa mereka berminat untuk menanam modal di Malaysia bukan sahaja kerana insentif yang ditawarkan oleh Kerajaan serta faktor-faktor kestabilan politik dan pekerja-pekerja yang mahir serta bahan mentah yan banyak tetapi yang lebih penting ialah kerana barang keluaran negara ini mendapat kemudahan Sistem Keutamaan Am (GSP) daripada Amerika Syarikat. Pihak tersebut mendakwa tanpa GSP yang diberi kepada negara ini mereka tidak akan melabur di Malaysia.

**Dato' Kok Wee Kiat:** Tuan Yang di-Pertua, dakwaan Ahli Yang Berhormat yang menyatakan bahawa GSP tersebut sahaja menentukan keputusan bagi pelabur-pelabur asing akan melabur di luar negara mereka adalah tidak tepat.

Sekarang ini, Malaysia adalah layak menikmati 16 Skim Keutamaan GSP dari negara-negara yang memberi keistimewaan termasuk Amerika Syarikat. Dalam tahun 1987, nilai eksport Malaysia yang menggunakan

Skim GSP adalah berjumlah \$4,177 juta. Prestasi eksport melalui skim GSP tahun itu hanya menyumbangkan sebanyak 9.25% dari jumlah eksport Malaysia keseluruhannya. Eksport hasil komoditi melebihi eksport barang-barang perkilangan. Barang-barang utama eksport di bawah skim GSP adalah minyak kelapa sawit, kayu dan keluarannya, koko dan hasil koko, getah mentah dan keluarannya, barang elektrik, tekstil dan pakaian, alat jentera dan sebagainya.

Sepertimana Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan Amerika Syarikat telah mengumumkan bahawa mulai Julai, 1989, 4 negara NIC di Asia tidak lagi akan dibenarkan menikmati faedah-faedah di bawah skim GSP Amerika Syarikat. Penarikan balik skim GSP oleh Amerika Syarikat boleh mempengaruhi keputusan-keputusan setengah-setengah syarikat yang terlibat dari 4 negara NIC tersebut untuk menempatkan semula operasi-operasi pengilangan mereka ke Malaysia.

Walau bagaimanapun, adalah kurang tepat untuk diputuskan bahawa keputusan untuk melabur di Malaysia adalah sepenuhnya disebabkan oleh hanya satu faktor ini sahaja. Adalah tidak benar menyatakan bahawa tanpa faedah-faedah GSP tersebut, syarikat-syarikat asing tidak akan melabur di Malaysia.

Sebenarnya, syarikat-syarikat 'Multi-National' memberi pertimbangan umumnya, kepada suasana pelaburan yang menarik di sesebuah negara sebagai lebih kritikal daripada faedah-faedah GSP apabila membuat perancangan-perancangan pelaburan di luar negara. Dalam hubungan ini, unsur-unsur yang perlu untuk mewujudkan suasana pelaburan yang baik adalah seperti:

- (i) keadaan politik dan ekonomi yang stabil
- (ii) Birokrasi yang minima

- (iii) tenaga buruh yang stabil
- (iv) sekatan pertukaran asing yang minima
- (v) insentif-insentif fiskal yang menarik
- (vi) kemudahan-kemudahan infrastruktur yang mencukupi; dan
- (vii) bahan-bahan mentah tempatan.

**Tuan Hassan bin Harun:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Berdasarkan kepada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, saya rasa reaksi kita kepada kemungkinan kemudahan GSP ditarik balik oleh pihak Amerika Syarikat itu adalah over reacting, sebabnya daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, bahawa kita tidak perlu takut kepada kemungkinan ini sebab faktor-faktor yang menyebabkan para pelabur melabur di negeri kita adalah perkara yang lebih penting daripada itu. Jadi apakah reaksi kita setakat ini seperti yang saya katakan di over reacting?

**Dato' Kok Wee Kiat:** Tuan Yang di-Pertua, di dalam ekonomi sebuah negara kalau kita boleh dapat peluang-peluang mendapat lebih banyak foreign exchange, dengan izin, kita mesti menggalakkan peluang-peluang itu dan kita mesti mengekalkan peluang itu. Skim GSP dari Amerika Syarikat merupakan satu faedah yang kita tidak mahu mengelakkan kalau kita boleh dapat faedah dari sana. Oleh kerana itu Kerajaan kita memandangkan satu tindakan oleh Kerajaan Amerika Syarikat dengan seriusnya, kerana kalau skim GSP itu tarik balik pada masa sakarang Kerajaan kita takut itu boleh melibatkan 70,000 lebih pekerja-pekerja dan 8,000 lebih syarikat-syarikat yang menggunakan skim GSP Amerika Syarikat pada masa sekarang.

#### RUMAH PEKERJA LADANG

**11. Tuan P. Balaram** minta Menteri Buruh menyatakan bahawa memandangkan kepada tuan-tuan ladang getah yang kurang berminat dan bersikap negatif dalam menyahut seruan dan syor Kerajaan untuk membina rumah-rumah sendiri bagi pekerja-pekerja ladang getah, adakah Kerajaan bercadang untuk mengambil (acquire) sebahagian dari tanah ladang-ladang untuk membolehkan pekerja-pekerja mendirikan rumah-rumah sendiri dengan inisiatif mereka.

**Timbalan Menteri Buruh [Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed]:**

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin menarik perhatian Ahli Yang Berhormat bahawa skim memiliki rumah pekerja ini adalah satu rancangan sukarela yang digalakkan oleh Kerajaan untuk mendapat penyertaan para majikan ladang dan lombong membina rumah-rumah kos rendah yang mampu dimiliki oleh pekerja-pekerja mereka.

Setakat ini sebanyak 8 buah ladang telah menyiapkan skim mereka dengan membina sejumlah 1,080 unit rumah untuk dijual kepada pekerja-pekerjanya. Dua buah ladang lagi sedang dalam proses pembinaan berjumlah 749 unit rumah untuk dijual kepada para pekerja. Selain daripada itu sebanyak 13 buah ladang telah menunjuk minat untuk menertai skim ini di mana sejumlah 7,204 unit rumah telah dicadangkan untuk dibina. Ini menunjukkan bahawa sambutan majikan ladang kepada skim ini adalah positif.

Kementerian Buruh tidak bercadang untuk mengambil sebahagian dari tanah-tanah ladang dari tuan empunya ladang bagi tujuan pekerja-pekerja mendirikan rumah-rumah mereka sendiri. Soal perumahan pekerja adalah satu perkara yang perlu dirunding dan dipersetujui di antara pihak pekerja dan majikan. Oleh itu adalah tidak adil untuk memaksa majikan atau tuan empunya ladang menyerah sebahagian daripada ladangnya kepada pekerja bagi tujuan mendirikan rumah. Walau bagaimanapun Kementerian Buruh akan terus mempertingkatkan usaha menggalakkan majikan menyertai skim memiliki rumah pekerja.

**Tuan V.K. Sellappan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada keseluruhannya Perbadanan Nasional Berhad atau PNB yang memiliki kebanyakan ladang-ladang di negara ini tetapi malangnya mereka tidak menunjukkan sebarang minat terhadap projek perumahan untuk pekerja-pekerja ladang-ladangnya. Berhubung dengan perkara ini saya ingin tahu sama ada Kementerian Buruh telah mengadakan perbincangan dengan PNB untuk mengatasi masalah ini, dan jika ia, apakah kesan-kesannya? Jika tidak, mengapa sebarang tindakan tidak diambil lagi?

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Buruh tidak membezakan pemilik-pemilik ladang-ladang ataupun lombong-lombong ini mengikut kategori company ataupun dipunyai oleh sesiapa pun. Tetapi kita memandangkan dari segi keadilan kepada pekerja. Bagi ladang-ladang yang besar-besar, kebanyakan mereka ini mengadakan tempat kediaman yang baik untuk, pekerja-pekerja mereka. Ladang-ladang yang kecil, menyediakan kemudahan yang agak kurang sempurna. Ada ladang-ladang yang berminat dengan syor kita untuk membina rumah-rumah dan menjualkan kepada pekerjanya. Tetapi ada juga majikan yang tidak berminat. Jadi, kerja-kerja yang dilakukan oleh Kementerian Buruh ialah mengesyorkan, selepas itu merundingkan, kemudian kadang-kadang memujuk majikan-majikan ini bagi menyertai, skim ini,

Untuk makluman Yang Berhormat, tidak terhad kepada ladang-ladang yang dimiliki oleh PNB tetapi kesemua majikan-majikan ladang dan lombong di negeri ini kita temui dan kita mengadakan perbincangan. Untuk makluman Yang Berhormat juga kita sedang membentuk sebuah badan petugas khas untuk membaiki dan mengatasi masalah-masalah berkaitan dengan perumahan di kawasan ladang-ladang. Jawatankuasa ini saya sendiri yang mempengaruskannya dan kita akan menggerakkan juga agensi-agensi ataupun wakil-wakil Kerajaan Negeri dan semua ladang-ladang dan juga majikan lombong bagi menjayakan skim kita ini. Terima kasih.

**Tuan C. Krishnan:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri Buruh memberitahu Dewan yang mulia ini semenjak

tahun 1976 hingga sekarang cuma ada 10 skim perumahan pekerja-pekerja ladang dapat dilaksanakan. Saya pun telah timbulkan beberapa kali di dalam Dewan ini tetapi adakah cadangan daripada Kementerian Buruh supaya rumah-rumah yang sedang mereka duduki itu bolehkah Kerajaan cari satu jalan supaya rumah-rumah itu boleh dimiliki oleh pekerja-pekerja ladang.

**Dato<sup>1</sup> Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, cadangan daripada Yang Berhormat itu kita sedar tetapi majikan enggan untuk menyerahkan rumah-rumah pekerja yang mereka miliki ini kepada pekerja. Mereka lebih suka kalau kawasan perumahan yang di-tempatkan itu duduk agak di luar daripada pusat ladang supaya bila pekerja itu telah bersara dan bukan lagi pekerja ladang itu mereka bolehlah bebas keluar masuk kalau tidak, kalau telah bersara majikan bimbang bekas-bekas pekerja ini mengganggu urusan ladang.

**Tuan C. Krishnan: [Bangun]**

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Belum, sekejap lagi.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua, soal kelambatan pembinaan perumahan ini bukan sahaja atas sebab majikan. Tetapi ia juga kadang-kadang masalah pentadbiran kita, masalah Pejabat Tanah, pecah sempadan, tukar syarat dan sebagainya dan Jabatan-jabatan Kerajaan yang lain seperti LLN, Bekalan Air dan sebagainya.

Jadi, sebab itu saya telah sebut tadi, Kementerian telah menubuhkan satu jawatankuasa petugas khas yang akan mengkoordinasikan Kerajaan-kerajaan Negeri dan semua Jabatan-jabatan Kerajaan untuk kita mengatasi masalah ini.

**Tuan C. Krishnan:** Tuan Yang di-Pertua, minta maaf. Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Menteri Buruh pun sedar ini adalah satu rancangan bagi pekerja-pekerja ladang apabila mereka sudah bersara, mereka boleh bangga dengan satu bumbung, tiadalah seorang warganegara apabila dia buat permohonan untuk.....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan?

**Tuan C. Krishnan:** Soalan tambahan - oleh sebab itu adakah Kementerian Buruh ada cadangan memujuk majikan itu, jangan mereka melepaskan itu, jadi beban kepada Kerajaan, adakah cadangan begitu?

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mobamed:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah sebut dan jelaskan kepada Yang Berhormat tadi iaitu skim memiliki rumah sendiri ini akan dijalankan oleh majikan-majikan ladang yang berminat. Di samping kita sekarang sedang mengesyorkan untuk banyak lagi majikan-majikan ini mengadakan skim yang seumpama itu.

Soalan Yang Berhormat tadi meminta supaya majikan ladang sekarang ini menjual kepada pekerjanya rumah yang ada sekarang ini dimiliki oleh majikan. Ini pada pandangan majikan tidaklah begitu sesuai kerana kalau pekerja itu bersara ada pekerja lain yang akan maauk ke dalam ladang itu dan tidak ada rumah dan besok datang lagi Yang Berhormat ke Dewan ini bangun minta buat lagi. Jadi dia tidak habis.

Oleh itu cara KemENTERIAN sekarang menggalakkan pemilikan rumah sendiri inilah satu jalan yang tepat bagi menyelesaikan masalah ini. Walau macam mana pun cadangan Yang Berhormat kita akan kemukakan kepada pihak ladang, mana kita tahu kalau mereka hendak jualkan quarters itu, Yang Berhormat nanti akan puas hati.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dr. Tan Chong Kang.

**Tuan Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 12.

**PENCAROM KWSP**

**12. Tuan Tan Chai Ho** (di bawah 3.0,23(2)) minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) bilangan pencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja di seluruh Malaysia pada tahun 1988;
- (b) jumlah wang simpanan pekerja yang ada pada tahun 1988;
- (c) jumlah wang simpanan pekerja yang dikeluarkan untuk tujuan membeli rumah pada 1988;
- (d) adakah rancangan dibuat supaya penyumbang-penyumbang dapat mengeluarkan wang simpanan pekerja untuk tujuan membiayai pendidikan anak atau rawatan perubatan yang melibatkan belanja yang besar.

**6.12.88**

**33. Tuan C. Krishnan** minta Menteri Kewangan menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk membenarkan pengeluaran simpanan KWSP bagi membiayai kos pelajaran tinggi.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana pertanyaan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Dr. Tan Chong Keng pada hari ini adalah sama dengan pertanyaan oleh Ahli Yang Berhormat Tuan C. Krishnan yang dijadual dijawab pada 6hb Disember, 1988, saya memohon menjawab kedua-dua soalan itu serentak sekarang.

Jawapan ke atas perkara-perkara yang dibangkitkan adalah seperti berikut:-

- (a) bilangan pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) di seluruh Malaysia pada akhir bulan Septembris 1988 ialah 5,190,339 orang.
- (b) jumlah caruman pada akhir bulan September 1988 ialah \$32,652 juta.
- (c) jumlah wang simpanan yang telah dikeluarkan oleh ahli-ahli KWSP untuk tujuan membeli rumah bagi terapoh 1.1.88 - 30.9.88 adalah seperti berikut:-
- |                                |               |
|--------------------------------|---------------|
| i) Perumahan Kos Rendah        | \$339,671,566 |
| ii) Perumahan Bukan Kos Rendah | \$260,802,451 |
| Jumlah                         | \$600,474,017 |
- (d) pada masa ini KWSP tidak bercadang untuk memberi kemudahan tambahan kepada pencarum-pencarumnya selain daripada keraudahan-kemudahan yang sedia ada Kerajaan telah mengkaji dengan teliti cadangan untuk mengadakah skim pengeluaran caruman KWSP bagi tujuan menampung perbelanjaan pelajaran lanjutan. Keputusan telah dibuat bahawa skim tersebut tidak wajar dilaksanakan setelah mengambil kira perkara-perkara berikut:-
- (i) implikasi yang negatif terhadap aliran wang tunai dan kedudukan kewangan KWSP dalam jangka panjang; dan
- (ii) skim pengeluaran seperti yang dicadangkan itu tidak akan memberi manfaat kepada segolongan besar pencarum-pencarum iaitu pencarum-pencarum KWSP kerana 82% daripada mereka mempunyai jumlah caruman yang kurang daripada \$10,000.

**Tuan Mustafa bin Awang:** Saya telah difahamkan bahawa bagi pihak KWSP boleh membenarkan kepada pekerja-pekerja Islam mengeluarkan sebahagian daripada wang tabung ini untuk menunaikan Fardhu Haji. Setakat ini berapa ramai bilangan yang berbuat sedemikian?

**Tuan Mohamed Karid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya jawab tadi KWSP tidak bercadang untuk memberi kemudahan tambahan kepada pencarum-pencarum selain daripada kemudahan-kemudahan yang ada sekarang, termasuk yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat. Kerajaan telahpun mengkaji kedua-dua cadangan iaitu menampung perbelanjaan pelajaran tinggi lanjutan dan untuk menunaikan Fardhu Haji oleh kerana sebab-sebab yang telah saya beri itu maka Kerajaan tidak bercadang untuk melaksanakan skim-skim tersebut.

**Puan Valli Muthusamy:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan memberitahu bolehkah seorang employce, dengan izin, menyimpan wang EPF selepas bersara? Sekiranya seorang employee ingin menyimpan wang EPF adakah bunga atas simpanannya diteruskan?

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, seorang yang ingin menyimpan dalam KWSP selepas ia bersara ataupun selepas ia mengambil ataupun memilih atau elect dalam bahasa Inggerisnya, dengan izin, untuk mengeluarkannya semasa ia berumur 50 tahun, ia tergolong dalam kumpulan yang dinamakan voluntary contributors. Maka ia boleh menyimpan selepas itu, tetapi pada masa ini kita dapati minat terhadap skim tersebut adalah kurang. Begitu juga kalau sekiranya seseorang itu yang tidak perlu mencarum dalam KWSP pun dia boleh membuatnya secara voluntary dan dikira sama sahaja faedahnya.

**Puan Mazidah binti Haji Zakaria:** Tuan Yang di-Pertua, boleh satu soalan tambahan lagi? Kalau saya tidak silap jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi mengatakan pihak KWSP tidak bercadang untuk memberi perkhidmatan tambahan memandangkan kebanyak-an daripada pencarum-pencarum ini mempunyai caruman yang kurang daripada \$10,000. Saya hanya ingin hendak bertanya tidak mungkinkah dalam zaman kita menggunakan komputer ini, mereka yang mempunyai caruman lebih \$10,000 itu diberi pula kemudahan ataupun khidmat-khidmat tambahan ini yang memberi manfaat kepada masa depan mereka. Umpamanya naik haji tadi, pelajaran tinggi dan soal perubatan yang mungkin menelan perbelanjaan yang banyak. Kalau dia sudah meninggal tidak guna lagi.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian kepada Ahli Yang, Berhormat tujuan asal EPF atau KWSP itu ditubuhkan. Maksudnya ialah Employees Provident-Fund, maksudnya provide for the future, masa umurnya tua. Itulah tujuan asalnya. Oleh kerana itu kita hanya memberi kemudahan seperti membeli rumah kos rendah semasa ia masih lagi berumur muda ataupun masa ia muda. Dan jika sekiranya kita membentarkan ia digunakan untuk kepentingan-kepentingan lain, kemungkinan dua sebab saya katakan dari jangka masa panjang ia mengakibatkan ke atas aliran wang tunia kedudukan kewangan KWSP. Dan yang kedua seperti yang saya katakan hanya 18% yang mempunyai lebih daripada \$10,000. Kalau diambil \$10,000 itu untuk membeli rumah kos rendah apa yang dia tinggal? Oleh kerana ini maka kita berpendapat pada masa ini bahawa kita tidak akan membesarkan lagi extend, dengan izin, kemudahan-kemudahan yang terdapat dalam KWSP atas asas yang pokok iaitu yang pertama ialah skim ini ialah akim provident fund untuk masa tuanya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Masa untuk Soal Jawab sudah cukup. Kita beralih kepada lain urusan.

**[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 13 hingga 38 adalah**

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG BIDAN (PINDAAN DAN PERLUASAN)****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Menyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (30hb November, 1988).

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, pada waktu mesyuarat ditangguhkan, Yang Berhormat Menteri Kesihatan masih berucap. Sekarang saya menjemput beliau untuk menyambung ucapannya.

**3.40 ptg.**

**Menteri Kesihatan (Dato' Chan Siang Sun):** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini negeri-negeri Sabah dan Sarawak menyelenggarakan buku daftar bidan masing-masing di bawah Ordinan Bidan Sabah dan Ordinan Bidan Sarawak. Dengan diadakan pindaan ini, cuma satu buku daftar bidan sahaja akan diselenggarakan. Justeru itu, Kementerian Kesihatan akan mencadangkan satu seksyen 21A baru dalam Akta ini supaya mana-mana nama yang telah didaftar di bawah Ordinan Bidan Sabah dan Ordinan Bidan Sarawak akan dipinda dan dimasukkan ke dalam manamana bahagian Daftar bidan sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Lembaga.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pindaan-pindaan kepada Akta Bidan 19,66 seperti yang dicadangkan di atas, Ordinan Bidan Sabah dan Ordinan Bidan Sarawak adalah dimansuhkan.

Tuan, Yang di-Pertua, pindaan-pindaan yang dicadangkan seperti yang disebutkan di atas perlu dibuat dan tepat pada masanya supaya satu undang-undang bidan yang seragam dan langkah bagi semua hal-hal pendaftaran bidan, pengawasan amalami perbidanan, latihan bidan, peperiksaan perbidanan dan tindakan tatatertib boleh dilaksanakan dengan sempurna di seluruh Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon supaya Rang Undang-undang Akta Bidan (Pindaan dan Perluasan) 1988 diluluskan. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Haji Hussein biu Ahmad]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Bidan

1966 dan untuk memperluaskan pemakaian Akta, sebagaimana dipinda, ke Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan, adalah terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Puan Ainon Ariffin.

### **3.44 ptg.**

**Puan Ainon binti Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ikhlasnya bangun di sini bagi menyokong akan Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Bidan 1966 dan untuk memperluaskan pemakaian Akta, sebagaimana dipinda, ke Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana tajuk Rang Undang-undang ini lalah bidan dan keseluruhan bidan biasanya terdiri daripada kalangan wanita, maka saya rasa perlu dan ingin saya menyentuh berbagai perkara dalam menyokong pindaan Akta yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Kesihatan telahpun memberikan penjelasan dan penerangan yang begitu jelas mengapa, kenapa, untuk apa dan faedah apa Akta ini hendak dipinda. Beliau telah menyebutkan antara lain bahawa pindaan kepada Rang Undang-undang ini pertama-tama adalah untuk mengemas kinikan kepada Akta Bidan, 1966 dan untuk menyatukan Akta ini supaya ianya diselaraskan dengan Sabah dan Sarawak kerana sebelumnya Sabah dan Sarawak hanya temakai Akta melalui buku Chapter yang disebutkan semalam, 1978 bagi Sabah untuk Ordinan Bidan sabah dan kenyataan Chapter 113 Ordinan untuk Sarawak, Ordinan Bidan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada Akta ini sesungguhnya sangat dialu-alukan dan amat dirasakan akan meninggalkan kekesanan yang sangat baik dan yang akan dapat meninggikan lagi tahap menyambut kelahiran dan untuk pengurusan serta pentadbiran kepada mereka yang bertanggungjawab bagi menyambut kelahiran

generasi-generasi yang ada di dalam negara kita ini kerana Akta ini diintukkan untuk Malaysia, Sabah dan Sarawak sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, bidan atau pekerjaan sebagai bidan ini amatlah besar maknanya, amatlah penting khidmatnya kerana bidan-bidan inilah yang awal mula, pertama mula menyambut dan yang bertanggungjawab sebahagian besarnya kepada keselamatan, kesihatan dan juga kepada kesempurnaan kelahiran seseorang bayi.

Tuan Yang di-Pertua kita amat mengetahui bahawa dalam negara kita ini kalau dibandingkan dengan negara-negara jiran yang lain, tahap mengenai prestasi perbidanan dan mengenai kesejahteraan kelahiran agak tinggi dan baik dan untuk ini kita mengucapkan tahniah kepada Kementerian Kesihatan kerana daripada angka-angka atau daripada perangkaan, statistik yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan dalam laporan tahunannya didapati setiap tahun ada prestasi pengurangan kematian semasa kelahiran dan banyak prestasi yang baik dan boleh dikatakan menimbulkan rasa puas hati di kalangan keseluruhan rakyat mengenai masalah kelahiran, kita dapati bahawa angka-angka kematian Semasa kelahiran agak berkurangan dan kesihatan bayi-bayi yang dilahirkan pula banyak meningkat terutamanya di luar bandar dan di kawasan-kawasan pendalaman.

Tidak juga dinafikan bahawa masalah kematian dan juga bayi yang kurang layanan semasa dilahirkan bukan saya terdapat kes di luar bandar dan pendalaman dan di kawasan terpencil tetapi juga berlaku di bandar-bandar. Tahniah kita kepada Kementerian kerana dapat mengawal keadaan, rungutan serta keleraahan dalam bidang **ini**.

Tuan Yang di-Pertua, namun begitu, ada beberapa perkara lagi selain daripada pindaan kepada Akta ini mengemaskinikan kepada Akta kita bagi menjalankan, bagi menyelaraskan serta pencapaian

yang lebih baik. Ada beberapa perkara yang saya ingin berikan pandangan dan teguran yang membina dalam menyokong pindaan Akta berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara dalam Akta ini yang saya rasa patut dialu-alukan ialah mengenai Fasal 4 iaitu bertujuan meminda seksyen 2 Akta dengan memperkenalkan takrif-takrif jururawat kesihatan luar bandar, jururawat luar bandar, jururawat masyarakat, Ketua Pengarah, pegawai diberikuasa dan pengamal perubatan berdaftar dan memotong takrif Pihak Berkuasa Penyeliaan Tempatan.

Takrif tersebut saya alu-alukan supaya dapatlah orang ramai mengenalpasti tingkatan atau perbezaan di antara pemegang-pemegang jawatan yang berkenaan. Kalau kita tengok orang-orang kita yang kurang arif dengan tingkatan dan pembahagian jawatan, dan ditengok sahaja wanita yang berpakaian serba putih yang berpakaian seragam atau tudung kepala bentuknya seperti jururawat, dia akan memanggil "missy", bidan pun "missy", Ketua Jururawat pun "missy" atau lain-lain jawatan pun "missy" dan mungkin dengan adanya pengenalan-pengenalan ataupun pembahagian yang jelas dan nyata begini kita akan dapat menentukan tanda sebutan dan pengenalan kepada pemegang jawatan itu supaya tidaklah semuanya dirangkumi sebagai "misay" kerana bukan semua Jururtawat mengetahui mengenai hal-hal kelahiran.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini saya mengucapkan syabas kerana ini satu kesedaran yang baik dan satu pengemaskinian yang harus boleh diberikan pujian.

Menyentuh mengenai Fasal 5 iaitu bertujuan untuk meminda seksyen 3 Akta untuk mengadakan peruntukan bagi menambahkan bilangan anggota Lembaga. Terima kasih, kerana lagi banyak yang duduk di Lembaga lagi banyak fikiran, lagi banyak pandangan, lagi banyak perbincangan yang lebih detail dan mendalam dibuat kerana bukan mudah hendak raengendalikan mereka yang menjadi penyambut tetamu utama manusia ke dunia iaitu bidan-bidan berkenaan.

Semalam Yang Berhormat Menteri mengatakan dahulu 15 sekarang ditambah 17. Hendaknya yang duduk di dalam Lembaga itu biarlah banyak terdapat mereka yang memahami mengenai kesengaaran ibu-ibu yang melahirkan anak, kesihatan bayi dan perkara-perkara yang berkaitan dengan masalah-masalah kesihatan dan pembangunan sosial yang berkaitan dengan, ibu mengandung di pendalam dan juga di tempat-tempat yang terpencil supaya mereka dapat memikirkan masa, cara mengatasi, membantu dan mengenal pasti masalah-masalah yang dibadapi oleh mereka ini yang merupakan rakyat kita yang perlu dipertanggung-jawabkan kepada kita dan biarlah ramai wanita di situ kerana wanita-lah yang memahami masalah dan keyunikan wanita.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Fasal 6 iaitu yang bertujuan untuk meminda subseksyen 2, seksyen. 5 Akta yang berkenaan di mana saya ingin menyentuh mengenai perkara iaitu headak menggantikan (b) dengan, perenggan (b) baru dan memotong perenggan-perenggan (d), (e) dan (f) iaitu yang berbunyi di sini:

"Perenggan (b) baru mengadakan peruntukan mengenai kuasa-kuasa Lembaga untuk memotong dari Daftar nama seseorang yang didapati tak sempurna akal atau yang tak layak terus berada dalam Daftar oleh sebab seauatu kelemahan lain. Pemotongan perenggan (d) hingga (f) seksyen itu adalah berbangkit daripada peagenalan Bahagian IVA ke dalam Akta."

Walaupun tiada Akta Ibu di sini tetapi bolehlah difahamkan bahawa ada peruntukan baru yang hendak diletakkan di dalam Akta ini bagi memberikan kuasa kepada Lembaga untuk menentukan kelayakan dan menentukan prestasi perkembangan seseorang yang memegang jawatan bidan.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin membuat beberapa sentuhan. Sebenarnya peranan bidan ini sangat penting dan kita tidak nafikan bahawa peranan bidang dalam negara kita ini boleh dikatakan memuaskan dan baik keseluruhannya. Namun begitu masih terdapat lagi di kawasan-kawasan, di tempat-tempat terutamanya di kawasan-kawasan pendalaman, di kawasan luar bandar, kawasan-kawasan terpencil kekurangan bidan yang berkelayakan.

Dalam perkara ini saya ingin mengutarakan persoalan kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan iaitu berapakah kuota perbidanan yang dibuat hingga kini bagi satu-satu kawasan pendudukan. Adakah satu bidan diintukkan dengan sesuatu kuota tertentu? Umpamanya satu bidan di kawasan kampung A, kawasan pendalaman ianya boleh merangkumi 20 - 30 ribu penduduk atau dikenalpasti 20 - 30 ribu ibu-ibu. Nisbah kuota ini bagaimana? Satu bidan menjaga berapa kumpulan kelaminan, 20, 30? Kerana kita dapati juga beberapa masalah timbul kerana kekurangan bidan.

Ada satu kawasan umpamanya, tidak usahlah jauh, kawasan kampung saya, saya sekampung dengan Tuan Haji Salleh, terdapat juga rungutan-rungutan mengenai bidan walaupun ada klinik perbidanan. di sana kerana bidan di situ hanya diletakkan 2 bidan, kawasan perkarapungan itu agak luas dan banyak pula ibu-ibu yang subur, kelamin-kelamin yang subur dan mungkin mereka ini ingin menyahut seruan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang kita kasihi iaitu ingin supaya di tahun-tahun yang tertentu ada 70 juta umat dan rakyat Malaysia. Diharapkan 70 juta itu 80% mereka itu akan menjadi rakyat yang baik, berguna, taatsetia . Kalau ada 70 juta tetapi setengah daripadanya tidak setia, tidak bersyukur, tidak berterima kasih, menjadi dalang, baiklah tidak usah ramai.

Berbalik saya kepada perkara kelahiran ini, terdapat di satu ketika 5, 6 ibu hendak bersalia dan ini menjadi kesukaran kepada bidan-bidan ini hendak berkejar dari satu tempat, ke satu tempat. Atas kekurangan bidan ini ada,satu, dua kes tumpah darah dan ada di antaranya yang membawa kepada meninggal dunia kerana tidak cekapnya bidan-bidan atauapun orang-orang yang tidak berkelayakan menguruskan kelahiran.

Tuan Yang di-Pertua, apabila bidan-bidan kurang dan yang hendak melahirkan ramai, kalau dibandingkan dari segi ekonominya, demand banyak tetapi supply kurang, maka berlakulah peristiwa-peristiwa kelahiran yang membawa kepada maut atau membawa kepada beberapa perkara yang tidak sihat. Umpamanya pertumpahan darah, anak yang dilahirkan itu terbiar begitu lama dau mendatangkan kesan-kesan fisikal yang tidak baik dan lain-lain perkara.

Tuan Yang.di-Pertua, ketika inilah bidan-bidaa yang tidak ber-tauliah akan mengambil tempat apabila bidan tidak cukup, selain daripada satu tradisi yang kita perlu kikis, bukan kita tidak hendak memberi kepada bidan-bidan kampung, bidan-bidan keturunan tok nenek, bidan-bidan yang mengaku bidan kerana dia berminat dalam menyambut kelahiran tetapi dia tiada kelayakan, tiada pengetahuan membidan ibu-ibu yang melahirkan anak. Apabila ini berlaku, itulah timbulnya masalah-masalah yang saya sebutkan tadi. Kalau bidan-bidan ini kecukupan mungkin bidan-bidan ini dapat kita cegah atau kita redakan deagan memberi penerangan. lagi. Penerangan pun perlu sebab mereka yang kuat kepada tradisi, mereka tidak mahu memakai bidan yang ber-baju putih, kain putih, tidak mahu bidan. Kerajaan. Dia kata bidan Kerajaan ini tidak pandai jampi mentera, tidak pandai membela datuk nenek. Barangkali Tuan Yang di-Pertua tidak faham perkataan "datuk nenek.

Maksud "datuk nenek" ini, Tuan Yang di-Pertua, ialah ada lagi masyarakat kita, semua bangsa, bukan kata di kalangan orang kita Melayu, orang Cina, orang India pun masih menaruh kepercayaan bahawa bidan-bidan yang tidak ada datuk nenek tidak boleh menguruskan kelahiran. Yang ada datuk nenek itu ertinya dia ada membela orang bonyian, orang halus, ilmu-ilmu mentera atau dalam perkataan moden-nya ialah mereka ini bergantung sangat kepada ilmu-ilmu yang tahuyl, ilmu yang boleh dikatakan kebanyakannya hanya berdasarkan kepada daya imaginasi. Bila hendak bersalin sahaja, saya cerita sedikit, ini berlaku lagi sekarang ini. Yang Berhormat Menteri berkenaan kenalah pasang telinga mendengarnya, iaitu ada lagi bidan-bidan kita

ini yang menggunakan cara tradisi. Bila si ibu mengandung 7 bulan. ditembah bidan, itu yang dipanggil dengan nama "lenggang perut", bukan lenggang perut aerobit, tetapi lenggang perut menempah bidan - dengan lilinya, dengan sirihnya, saya suka tiru sahabat saya Tuan Haji Shaharom, dengan lilinya, dengan sirihnya, dengan bunganya, dengan kelapanya, ada ayam hitam, ada- ayam putih, menempah bidan acau melenggang perut nama adatnya. Di kalangan orang kita Melayu, orang kita India suka buat perkara-perkara seperti ini seolah-oleh sebagai kebudayaan yang cradisi yang perlu dibuat.

Bila sudah tempah bidan ini, inilah kalanya ia tidak hendak pergi klinik dan dia tidak mahu terima bidan luar, bidan Kerajaan. Tambahan pula bidari tidak cukup, pergi sekali ke klinik tidak dapat jumpa bidan jadi dia pun pakai bidan yang begini, bidan tradisi, Bidan-bidan. ini sentiasa menjaga- ibu-ibii berkenaan dan selalu berlaku pertelagahan di antara bidan kampung, dalara Akta. ini disebutkan, iaitu bidan kampung dengan bidan Kerajaan.yang bertauliahan ini. Kadang-kadang berlaku penganiayaan, mereka buat kacau kepada bidan Kerajaan ini kerana tidak mahu kepada bidan itu berada di situ kerana akan hilang mata pencarian mereka. Orang-orang kampung pula nanti ditakut-takutkan kepada bidan Kerajaan. Bidan ini tidak bertauliahan, dia menyambut anaknya pun dengan cara yang menakutkan.

Saya pernah meneliti keadaan ini dan pernah pergi meninjau iaitu anak ini dilahirkan apabila ibu ini sampai masa hendak melahirkan anak. Bidan ini akan meletakkan segala jenis duri di bawah rumah ibu yang hendak bersalin itu dengan tujuan supaya jangan ada hantu syaitan mengacau.

Kemudian bila anak itu hendak dilahirkan pun biasanya dan selalunya memang bercanggah dengan ilmu kesihatan, memang bercanggah dengan cara-cara yang wajar, cara-cara yang baik untuk menyambut kelahiran kerana si ibu nanti akan dikerumuni oleh 5-6 orang dibantu untuk menolak kelahiran. Kemudian apabila lahir anak ini nanti, bidan yang tidak bertauliah ini tidak pandai cara-cara hendak memberhentikan pendarahan, anak yang lahir itu dikerat pusatnya dengan buluh dan buluh ini buluh yang hanya diambil begitu sahaja tanpa ada anti biotik atau apa-apa lain untuk menentukan tak ada kuman dan lain-lain. Dan kemudian anak itu nanti akan dilambung-lambung kerana hendak menjauhkannya daripada syaitan. Ini menyebabkan anak ini mungkin akan menerima penyakit kejang kerana kekejutan dan lain-lain. Bukan tak ada berlaku lagi, banyak berlaku. Kalau kita hetidak cari peratusan, sila buat kajian. Saya rasa masih ada 10% lagi berlaku perkara begini. Dan apabila ada cendekiawan, atau cikgu-cikgu, tok penghulu, kami ini pemimpin masyarakat hendak mencegah keadaan ini, kami akan bertentangan hebat dengan kumpulan yang percayakan bidan dengan pengaruh bidan-bidan yang tak bertauliah.

Maka syukurlah, Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya undang-undang ini di mana di sini mengenai Fasal 6, di sini saya buka sedikit, iaitu di mana dalam Akta kita ini ada pindaan dibuat, iaitu "Ketua Pengarah ataupun Lembaga Pendaftar boleh memberikan kuasa kepada mana-mana pegawai untuk mencegah, menggelidah, meneliti dan mengambil tindakan kepada kejadian-kejadian serupa ini dengan syarat mereka ini memperkenalkan dirinya, tauliahnya dan juga kebenaran ianya untuk bertindak". Saya baca dalam Akta ini dan ianya telah dimasukkan, syabaslah. Diharap apabila Akta ini diluluskan nanti

akan dijalankanlah usaha-usaha ini. Jangan tunggu pengaduan sahaja, kenalah hantar pegawai-pegawai penerangan Kementerian Kesihatan yang saya tahu memang banyak dibuat bergerak, iaitu klinik bergeraknya, jururawat-jururawat memberikan penjelasan, penerangan-penerangan dan kemudian meneliti keadaan ini, terutama di kawasan-kawasan pendalam atau di kawasan-kawasan terpencil atau dalam kelompok-kelompok' kumpulan rakyat yang kita faham, kita tahu masih ke belakang lagi, masih tidak lagi menerima tamadun-tamadun.

Dengan rasa hormat kepada puak-puak berkenaan, umpamanya di kalangan orang-orang kita Asli, di kalangan orang-orang kita yang ada di Sabah dan di Sarawak yang masih lagi belum mendapat kemajuan-kemajuan wajar, perubahan-perubahan kemudahan asas di kawasan mereka masing-masing- kerana adat-adat ini sedang dijalankan, sedang dianuti. dan sedang berleluasa. Ada lagi adat-adat yang saya rasa perlu kita kikis sama ada dengan cara penerangan atau dengan cara menggunakan kuasa, iaitu ibu-ibu yang hendak bersalih ini diikat tangannya ke pokok, diasap daripada bawah. Ini juga ada berlaku. Namun begitu, saya tidak mahu menceritakan segalanya, tetapi sebagai panduan bolehlah disiasat, dikaji keadaan-keadaan ini. Dan kalau di kalangan pekerja-pekerja ladang, pekerja kilang perlu juga pihak Kementerian raengadakan dan menambah bidan-bidan di sana.

Saya juga tertarik dalam Akta ini, Tuan Yang di-Pertua, mengenai bahawa seorang bidan yang bertauliah boleh melatih atau membimbing mereka yang berminat di dalam perbidanan. Kemudian setelah mereka itu dibimbing dan dilatih dengan cara menjadi pembantu terlebih dahulu dan apabila dalam masa 10 tahun atau dalam tahun-tahun yang difikirkan sesuai mereka ini sudah boleh menjalankan

tugasnya, maka mereka akan diberikan tauliah.

Kalau saya tidak silap, begitulah lebih kurang dalam Akta ini dan saya catatkan perkara itu ada di dalam pindaan yang berkenaan. Ini sangatlah baik kerana dengan ini kita dapat memberikan bimbingan dan memberikan latihan secara langsung dan secara tidak langsung bagi membanyakkan bidan-bidan. Biarlah banyak bidan, tidak mengapa, kerana saya rasa kalau dari segi peruntukan kewangan, Kementerian kita ini Kementerian Kesihatan, Dato Menteri tak ada masalah sebabnya dalam pembentangan Belanjawan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Menteri Kewangan kita, Menteri Kesihatan dapat peruntukan S209 juta dan di antara \$209 juta ini sebanyak S50 juta adalah khusus untuk pembinaan pusat-pusat kesihatan dan klinik-klinik desa, saya rasa termasuklah bidan-bidan. Saya percaya masuk juga kepada Perkhidmatan Perbidanan. Jadi perbanyakkanlah bidan ini supaya mereka yang berminat untuk melahirkan anak tidak takut hendak melahirkan anak kerana kekurangan bidan. Dan rakyat Malaysia perlu dengan pertambahan-pertambahan generasi baru yang sihat, yang dilahirkan dengan cara yang moden dan tidak menghadapi masalah kelahiran yang tidak wajar dan tidak patut kerana kekurangan penjagaan, pengawasan dari Kerajaan kita melalui Kementerian Kesihatan yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai bimbingan ini ialah Fasal 13, Fasal 13 bertujuan memperkenalkan seksyen baru 14A ke dalam Akta untuk membolehkan orang-orang yang tidak didaftarkan di bawah Akta membantu perempuan semasa kelahiran anak di bawah penyeliaan bidan berdaftar dengan tujuan untuk mendapatkan pengalaman yang ditetapkan supaya berhak didaftarkan di bawah Akta. Bermakna ada peluang banyak dan ini mungkin kita boleh luaskan kepada siswazah-siswazah

atau mereka yang mendapat pelajaran hingga ke tahap MCE atau SRP, umpamanya wanita yang berminat dalam ilmu perbidanan, daripada dia menganggur, dia berminat, kita boleh buka peluang ini kepada mereka. Ini juga boleh mengurangkan pengangguran selain daripada kita boleh mendapatkan jaminan dan mempertingkatkan lagi tahap kelahiran sihat, bayi sihat dan mengurangkan bencana-bencana, juga kematian. sewaktu-melahirkan anak.

Tuan Yang di-Pertua, yang saya kurang arif dalam Akta ini dan ingin bertanya ialah mengenai Fasal 14. Fasal 14 bertujuan meminda sekayen. 16 Akta. Dengan pindaan ini seseorang yang bercadang hendak menjalankan amalan perbidanan tidaklah perlu lagi memberitahu pihak berkuasa penyeliaan tempatan tentang cadangannya itu. Saya kurang arif kerana di atas mengatakan setiap orang yang ingin menjadi bidan. kena jadi pembantu kepada bidan yang bertauliah dan setelah ianya didapati boleh, mampu, berkelayakan, cukup sudah pengetahuannya, ianya didaftarkan. Jadi, bagaimana pula maksud Fasal 14 ini? Saya mohonlah penjelasan daripada Menteri yang berkenaan semasa beliau nanti menggulung kepada pindaan Rang Undang-undang yang berkenaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara lain yang saya ingin sentuh dalam undang-undang kita ini iaitu mengenai Fasal 8 bertujuan meminda seksyen 9 Akta untuk mengadakan peruntukan mengenai perlantikan Ketua Penyelia Jururawat sebagai Pendaftar Lembaga menggantikan Ketua Pengarah, syabas. Ertinya, sekarang ini Ketua Penyelia Jururawat sudah layak dan boleh dilantik sebagai Pendaftar Lembaga, iaitu menggantikan Ketua Pengarah.

Yang saya kurang arif ialah di dalam Akta ini juga ada menunjukkan iaitu mengenai Fasal 16 iaitu yang berbunyi, saya baca sedikit untuk pengetahuan Menteri berkenaan dan saya inginkan penjelasan, iaitu Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 19, seksyen baru 19A yang berikut:

"19A(1) Ketua Pengarah boleh memberikuasa secara bertulis kepada mana-mana pegawai awam untuk menjalankan kuasa-kuasa seorang pegawai itu diberikuasa di bawah Akta ini."

Saya hendak tahu: di sini Ketua Pengarah. Dan di sini nampaknya Ketua Pengarah Ketua Pengarah itu akan dimansuhkan, nama Ketua Pengarah digantikan dengan Pendaftar Lembaga. Adakah Ketua Pengarah dan Pendaftar Letnbaga ini sama jawatannya, sama kuasanya atau bagaimana? Saya ingin penjelasan, kerana kita ini bukan lawyer, jadi payah sedikit hendak memahami andang-undang ini. Jadi, kata orang kalau sesat jalan, eloklah kita bertanya. Kerana kalau tidak tahu kita bertanya, Insya Allah, kita akan dapat menambah perbendaharaan pengetahuan kita, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, kesimpulan keseluruhannya saya menyokong penuh kepada pindaan satu Akta yang ada di hadapan kita **ini**, iaitu Suatu Akta untuk meminda Akta Bidan 1966.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merabut beberapa saranan sebagai penutup kepada hujjah sokongan saya ini.

Pertama, perbanyaklah lagi bidan-bidan yang bertauliah.

Kedua, berilah peluang kepada penganggur-penganggur wanita untuk diberi latihan pengkhususan, jangan ikut-ikut sahaja. Kata-lah, di sebuah kampung setelah dibanci didapati penduduk di situ

berjumlah sekian-sekian banyak. Bidan yang ada sekian-sekian banyak, perlu tambahan, maka dicari di situ juga mereka yang berminat dan diberikan latihan asas, kemudian selepas mereka mendapat latihan asas 3, 4 bulan, maka mereka ini diperbantukan kepada bidan-bidan di tempat yang berkenaan. Dengan cara ini seperti orang kata dengan sebutir batu yang kita lempar 2,3 ekor burung kita dapat di mana kita dapat tambah bidan, dapat kurangkan penganggaran dan dapat memberikan latihan yang konkret, latihan yang sesuai dan latihan yang wajar kepada mereka yang berminat dalam lapangan ini.

Ketiga, ialah membanyakkan penerangan-penerangan mengenai bahaya kita menggunakan bidan yang tidak bertauliah dan mencari jalan untuk mengurangkan kerja-kerja khurafat dalam bidang perbidanan. Khurafat yang dimaksudkan kerja-kerja yang luar daripada kemampuan kemanusiaan, kerja-kerja yang dilarang dan tidak sesuai dengan kehidupan, kesihatan di zaman sains dan teknologi yang ada ini.

Keempat ialah selain dari bidan-bidan, mudim-mudim ini juga rasa saya perlu diberikan perhatian kerana kita selalu tengok bila musim cuti sahaja, Tuan Yang di-Pertua, ada sahaja kes-kes berkhatan yang dibawa ke Mahkamah. Ada yang terpotong terus, ada yang terseliat, ada yang terhiris dan banyak perkara lagi yang kita dengar, tetapi kejadian raudim masih berleluasa, Tuan Yang di-Pertua. Baru-baru ini ada 2, 3 kanak-kanak terpaksa dibawa ke hospital kerana mengalami pendarahan akibat daripada berkhatan dengan mudim yang tidak bertauliah dan mudim yang tidak ada pengetahuan khusus

mengenai cara-cara berkhatan.

Tuan Yang di-Pertua, ini juga satu perkara yang boleh menyebabkan beberapa kecacatan dari segi kesihatan dan pengembangan zuriat. Almaklumlah, senjata sulit yang paling penting, kalau sudah cacat bagaimakah nanti akibatnya kepada perkembangan zuriat. Tuan Yang di-Pertua, jadi, harap jugalah di samping juga bidan-bidan, tolonglah Kanenterian Kesihatan jaga juga mudim-mudim ini, kerana mereka terlalu sangat mengikut tradisi dan kebudayaan dan malangnya perkara mudim ini khusus untuk orang yang beragama Islam sahaja, dia tidak melibatkan mereka yang bukan beragama Islam. Mereka yang bukan Islam saya rasa tidak akan mengadap mudim dan tidak akan manjalani proses perkhatanan. Orang-orang Islam menjadikan itu satu perkara yang separuh wajib, malahan ada yang mengatakan ini wajib. Tuan Yang di-Pertua, kalau ini tidak dikawal, mudim-mudim manjalankan usahanya, iaitu daripada punca utama pengaliran zuriat tadi, kemudian kalau bidan-bidan pula tidak diberikan penyeliaan yang wajar maka kelahiran pula ia akan menimbulkan akibat. Jadi, kedua-duanya berkaitan, Tuan Yang di-Pertua.

Seperkara yang terakhir, Tuan Yang di-Pertua, ialah dalam hendak mengikis adat-adat kebudayaan yang telah dikatakan sudah lapuk, adat-adat yang boleh menyebabkan kerugian dan menyebabkan kecacatan kelahiran, saya rasa Kementerian Penerangan juga kena tolong bantu, iaitu penerangan-penerangan saraa ada melalui bahan-bahan penerangan berbentuk lettronik, maksud saya berbentuk media lettronik dan media cetak. Tolonglah sekali-sekala sentuh perkara

ini kerana kadangkala kita lupa perkara-perkara ini mendatangkan mudarat kepada generasi dan kepada pengembangan zuriat yang membawa kepada ketinggian dan prestasi imej negara. Kalau anak itu dilahirkan dengan cacat dia akan menjadi beban kepada negara akhirnya dan kalau ibu-ibu muda banyak mati sebelum patut mati, ini juga akan merugikan negara. Jadi, eloklah juga pihak media letronik, media cetak kita memberikan penjelasan dan penerangan. Saya tidak nafikan pembangunan keluar sangat mengambil berat dalam hal ini, tetapi media kita nampaknya agak berkurangan sedikit dalam menjalankan penerangan-penerangan supaya tidak lagi masyarakat kita di luaran, di luat—luar bandar berpandu sangat atau berpegang sangat kepada adat-istiadat dan budaya yang lapuk yang boleh merugikan, bukan sahaja kesihatan, tetapi merugikan jangka pendek dan jangka panjang. negara, masyarakat , keluarga atau diri yang berkenaan .

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi menyokong Rang Undang-undang suatu Akta untuk meminda Akta Bidan 1966 dan untuk memperluaskan pemakaian Akta ini ke Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan, Tuan Yang di-Pertua .

4.17 ptg.

**Tuan Dahalan bin Haji Embun:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana memberi saya peluang untuk menyokong dan membahaskan secara ringkas di atas Rang Undang-undang Bidan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Pembentangan Rang Undang-undang ini adalah sesuai pada masanya memandangkan keperluan tenaga bidan tambahan dengan pertumbuhan penduduk dan pertambahan bilangan

wanita-wanita yang menjadi ibu selepas kelonggaran berkontrol melalui kempen family planning.

Tuan Yang di-Pertua, adalah nyata juga sekarang bahawa muda-mudi kita telah menunjukkan trend untuk berkahwin awal bila masih subur. Ini juga akan menghasilkan pertumbuhan pendudukan dan pertambahan keperluan bidan-bidan kerana banyak wanita-wanita menjadi ibu. Tuan Yang di-Pertua, nyaca juga berlaku pertumbuhan dan perkembangan private clinic, dengan izin, di seluruh negara. Ini bermakna bahawa deman untuk bidan-bidan dan klinik private tidak dapat dipenuhi oleh klinik Kerajaan. Maka dengan ini adalah wajar untuk Kerajaan menambah bidan-bidan melalui Rang Undang-undang ini, Lagi pun usaha ini akan juga memberi persaingan kepada private clinic yang mengenakan bayaran yang tinggi untuk wanita-wanita bersalin. Bayaran yang tinggi oleh private clinic menyebabkan banyak ibu-ibu pergi ke klinik Kerajaan, sedangkan klinik-klinik Kerajaan pun sesak oleh sebab kekurangan tempat dan bidan, dan ini menjadi beban dan kesukaran kepada ibu-ibu dari keluarga miskin. Jadi terpaksa lah mereka beralih kepada bidan-bidan kampung, sama ada yang diiktiraf atau tidak.

Oleh sebab demand untuk bidan kampung masih ada, maka wajarlah bidan-bidan yang berpengalaman ini ditauliahkan supaya mereka tni diletakkan di bawah seliaan Kerajaan supaya penyelewengan tidak berlaku dan mereka ini patutlah diberi latihan lanjutan supaya mereka ini lebih cekap dan mahir dalam menjalankan kerja melahirkan bayi-bayi dengan selamat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menekankan kecekapan dan kemahiran kerana ada ramai bidan-bidan yang memang cekap dan mahir dalam melahirkan bayi sebelum sampai masanya. Saya mengetahui juga ada doktor-doktor yang bertauliah yang menjalankan kegiatan ini. Saya tidak tahu dari segi undang-undang, adakah iai jenayah pembunuhan, dari pandangan agatna ini memanglah salah. Sungguhpun salah dan merbahaya kepada ibu, ini masih berlaku kerana mungkin untuk menutup malu atau hanya kerana tidak mahu anak lagi tetapi sudah terlajak, terlupa makan ubat atau silap bilang hari atau silap hari, ataupun mungkin alat yang dipakai tidak berfungsi.

Dalam hal voluntary abortion, dengan izin, ini Tuan Yang di-Pertua, saya mohon kepada pihak Kerajaan menentukan garis panduan yang tepat apa yang boleh, apa yang tidak boleh, mana yang salah dan mana yang tidak salah dan menentukan kawalan dan hukuman yang setimpal dengan jenayah ini. Ini hanya berkesan sekiranya syarat-syarat yang tertentu dikenakan kepada bidan-bidan dan doktor-doktor swasta.

Tuan Yang di-Pertua, inilah pandangan saya dengan harapan mendapat perhatian dan tindakan. Tuan Yang di-Pertua, saya sokong. Sekian, terima kasih.

**4.21 ptg.**

**Puan Hajjah Salbiah biati Mohd. Akim:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Bidan 1966 dan untuk memperluaskan pemakaian Akta, sebagaimana dipinda, ke Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Kesihatan yang mana telah begitu meneliti keadaan untuk memperbaiki Akta ini dan dipinda daripada satu masa ke satu masa.

Semasa tahun 1951 saya rasa tidak ada Akta Perbidanan. Di waktu itu saya berlatih sebagai seorang bidan. Saya lulus dalam tahun 1952, saya telah bekerja selama 13 tahun menjadi bidan, berlainan sekali dengan keadaannya pada masa sekarang. Jadi, dengan adanya Akta ini maka begitu telitilah bidan-bidan yang bertugas di kampung-kampuang.

Tuan Yang di-Pertua, semasa tahun 1950-1951 bidan-bidan ini dilatih hanya setahun, mendapat bayaran S77 sebulan dan selepas itu dia ditugaakan di klinik-klinik, bekerja dengan gaji sebanyak S250, menjaga kampung yang mempunyai lebih kurang 3,000 penduduk. Begitu susah, tidak ada kemudahan. sebagaimana sekarang daa banyak masalah-masalah yang dihadapi terutama sekali kalau bidan itu muda, ini juga yang dihadapi oleh bidan. Tetapi dengan adanya pada masa sekarang orang yang terpelajar dan sangat mengambil berat tentang bidan ini, tahu kegunaannya, maka keselamatan mereka terjamin. Walaupun demikian, patut juga Kementerian Kesihatan hendak meletakkan satu-satu bidan di kawasan-kawasan kampung diberi perhatian keselamatannya sama. Perkara ini mungkin tidak keluar terita tetapi ada berlaku perkara-perkara yang kurang menyenangkan kepada bidan-bidan.

Saya sungguh tertarik hati iaitu berkenaan memperkenalkan Jururawat Kesihatan Luar Bandar, Jururawat Luar Bandar dan Jururawat Masyarakat. Maka ini ada perbezaan dan tugasnya masing-masing. Saya rasa dengan pengenalan ini dan dengan tugas-tugas ini, tiap-tiap bahagian, umpamanya, Jururawat Kesihatan Luar Bandar, Jururawat Luar Bandar dan Jururawat Masyarakat itu menjalankan tugasnya dengan fungsinya masing-masing, tetapi jangan ada penindasan. Kadangkala seseorang bidan itu di bawah jagaan sesuatu klinik ada penindasan daripada penyelia-penyelia, terpaksa buat macam **ini**, buat macam **ini**. Jadi ini juga harus kita perhatikan. Untuk memilih penyelia-penyelia ini kita mesti berikan kepada orang yang benar-benar rasa bertanggungjawab.

Begitu juga kepada Jururawat Luar Bandar dan Jururawat Masyarakat. Sebabnya mereka ini bertugas berlainan sekali daripada dalam hospital. Di hospital ramai orang yang boleh tengok dan dia mesti jaga dengan betul tetapi di luar, bandar umpamanya kalau dia bidan, kadang-kadang dia dengan pesakit dan keluarga rumah itu sahaja. Jadi, hendaklah bidan-bidan ini benar-benar diberi tanggungjawab dan rasa insaf dan juga rasa amanah atas kerja-kerjanya. Kalau tidak, keselamatan kurang terjamin; kalau tidak, lebih kurang sahaja sakit dia tidak mahu ambil, dia terus hantar ke hospital, makin menyusahkan kepada orang-orang yang berkenaan, ini berlaku. Maka patutlah perkara yang sedemikian diambil perhatian.

Sebagaimana rakan saya tadi menyatakan banyak lagi perkara-perkara yang berlaku cara dahulu-dahulu, potong dengan buluh tetapi saya rasa pada masa sekarang tidak tahulah kalau di kampung di hulu sangat perkara-perkara macam ini sudah tidak berlaku lagi, sebabnya sudah ada pembacaan, sudah ada klinik-klinik kesihatan luar

bandar yang telah memberikan penerangan dan ibu kita pun sekarang sudah moden, demgan, adanya pula KEMAS, Pembantu-pembantu Masyarakat di kampung-kampung ini, perkara ini tidak berlaku. Walaupun mereka ini Petnbantu Masyarakat tetapi tentang kesihatan mereka juga telah mengajar ibu-ibu sebab dia ada juga satu masa kursus membela anak-anak, membela bayi. Jadi, perkara-perkara macam ini sudah tidak berlaku lagi, kalau tidak sesaklah, kalau kesesakan saya tidak tahu-lah.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan pemilihan. Penyelia digantikan Ketua Pengarah untuk pendaftaran itu, ini betul-betul kena perhatikan kerana kuasa-kuasa yang lebih besar ada di tangan mereka, perkara-perkara yang tidak diingini akan berlaku. Umpamanya, kalau Penyelia, dia ada bidan di bawahnya, bidar ini, sekarang tidak tahu-lah, tetapi semasa saya dahulu kita ada borang untuk Birth tertificate, kemudian dia beri kepada Polis, report kepada Polis, tiru apa yang ditulis oleh bidan, Ini kena jaga betul-betul, kena awasi betul-betul, banyak perkara boleh berlaku, penyelewengan. Catat ibu yang bersalin tetapi Birth Certificate keluar kerana dia ambil anak ini anak angkat, ambil anak orang, bidan keluarkan Surat Beranak, beri kepada Polis, kemudiannya berpakte pula dengan jururawat ini, maka perkara itu tidak berlaku. Kalau anak sama-sama dalam Malaysia, tidak apalah, anak orang Melayu sama orang Melayu, anak orang India sama orang India, tetapi pada masa sekarang berlaku macam-macam yang kita tidak sedar, datangnya kanak-kanak itu daripada luar negeri. Ini juga harus Kementerian perhatikan kerana kemudahan-keraudahan ini di peringkat bawah boleh berlaku.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Hajjah Salbiah, saya minta maaf, harap dapat berhenti sebentar, sila sambung nanti .

Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum perbahasan diteruskan lagi, izinkan saya membuat pengumuman iaitu mengikut Peraturan Mesyuarat 6(3), saya dengan ini menjemput Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom untuk mempengerusikan Mesyuarat menggantikan saya. Sila Yang Berhormat. **[Tepuk]**

[Tuan Haji Shaharom mempengerusikan Mesyuarat]

**Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom:** Sila Yang Berhormat menyambung perbahasan.

**Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya meneruskan ucapan saya, saya mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak semua rakan-rakan di dalam Dewan ini, kerana Yang Berhormat telah dapat duduk sebagai Yang di-Pertua. **[Tepuk]**

**Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom:** Terima kasih.

**Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim:** Saya akan sambung ucapan saya .

Sebagaimana yang telah saya nyatakan tadi, perkara-perkara ini walaupun mereka bekerja di peringkat bawah, tetapi boleh menjalankan perkara-perkara yang lebih besar kerana daripada sana tiada siapa

yang begitu mengambil perhatian, kita tidak sedar entah berapa ratus telah masuk kanak-kanak daripada luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong dalam Akta ini yang mana ada pembantu kepada bidan-bidan, dan akan diberi tauliah kepada mereka. Ini sangat mustahak kerana dalam satu-satu kampung ada satu bidan, kalau tidak ada pembantu terketia pada hari itu kes yang sama 2-3 orang hendak bersalin, kacau bidan. Jadi kalau ada pembantunya, dapatlah dia mengaturkan di rumah ini, kemudian di kampung sebelah sana untuk melihat, tetapi sambil mereka ini diberi tauliah kalau ada kursus patut diberi kursus lagi supaya dia dapat pengalamanyang lebih untuk menjalankan tugasnya sebagai seorang bidan.

Kita selalu perhatikan kepada Kerajaan sahaja, pegawai-pegawai Kerajaan sahaja, umpamanya mereka ini juga adalah daripada Kerajaan, tetapi kita tidak melihat kepada swasta. Adakah Yang Berhormat Menteri maksudkan Akta ini melibatkan kepada klinik-klinik swasta? Ini pertanyaan saya. Kerana sebagaimana yang saya tahu ada klinik-klinik swasta yang hanya menguruskan perempuan bersalin. Adakah Akta ini juga terikat dengan mereka? Kerana di klinik-klinik ini bukan sahaja dia menolong melahirkan bayi yang sudah cukup bulan, tetapi yang masih putik pun, masih ada dikeluarkan, ini berlaku, sebagaimana kata teman saya tadi, ada berlaku. Jadi, adakah terlibat Akta ini kepada mereka? Ada setengah-setengah yang tidak bertanggungjawab dia sudah pandai membidan, dan anak-anak ini dibuangkan di tepi jalan, berlaku juga perkara-perkara sedemikian. Maka Akta ini kalau kita pinda, kita tidak jalankan begitu tegas, perkara-perkara yang lebih buruk akan berlaku. Yang paling sedih

sekali orang yang ada tauliah ini biasa melakukan kerja-kerja menggugurkan anak. Ada ibu bapanya yang halal, tetapi menggugurkan anak, iai yang memalukan, apatah mesti dicari kepada klinik-klinik atau bidan-bidan ini? Perkara ini juga mestilah kita perketatkan dan kalau dapat tangkap hukum dengan berat, sebabnya pada masa moden ini perkara-perkara yang sedemikian rupa selalu berlaku, terutama sekali dalam kawasan-kawasan yang mana banyak gadis muda.

Saya pernah mendengar dalam satu kawasan perkilangan, iaitu bila buka Klinik Desa satu bas pergi periksa perut. Jadi, perkara-perkara ini sungguh memalukan, walaupun saya seorang wanita memang pahit untuk menceritakan, tetapi perkara-perkara iai berlaku dalam negeri kita. Satu bas pergi periksa, bapanya entah siapa, ini berlaku. Ke mana anak-anak ini, apa sudah jadi kepada mereka? Adakah cukup bulan melahirkan anak ataupun pertengahan sudah di-gugurkan?. Ini juga kita tidak dapat ketahui, perkara-perkara sedemikian berlakii dalam kawasan-kawasan yang banyak pekerja-pekerja perindustrian, kilang-kilang, dalara kawasan-kawasan bebas macam di Pulau Pinang sana, ini berlaku sungguh banyak. Jadi, Akta ini selain daripada meminda Akta Bidan, maka kita juga hendak melihat keadaan-keadaan demikian, siapa yang tukang pecik putik muda-muda ini?

Ada juga kita dengar bahawasanya klinik swasta di bangunan yang besar-besar, yang tidak siapapun berani masuk ke situ, di luar Klinik Bersalin di dalam klinik lain, ini ada berlaku Yang Berhormat Menteri.

Saya rasa, saya tidak akan menyentuh perkara-perkara lain lagi. Saya ucapkan tahniah kepada Kementerian Kesihatan yang mana mengambil berat kepada Akta Bidan. Sebagaimana rakan saya katakan tadi, bidan ini adalah penyambut tetamu yang utama, maka kalau tidak diajar penyambut tetamu yang utama ini dengan baik mungkin hasilnya kurang baik pada masa yang akan datang.

Satu lagi suka saya sarankan iaitu kepada bidan-bidan yang berlatih ini selama dua tahun, apabila dia ditugaskan bekerja di klinik-klinik, keselesaan dan tempat tinggalnya adalah diperhatikan kerana dia duduk di kampung-kampung, kadang-kadang di pendalaman banyak juga menerima risiko daripada tempat-tempat itu.

Dengan ini saya menyokong penuh Akta untuk meminda Akta Bidan 1966 dan untuk memperluaskan pemakaian Akta sebagaimana dipinda ke Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan, Labuan. Terima kasih.

**Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom:** Yang Berhormat Tuan Lau Keng Siong.

**4.40 ptg.**

**Tuan Lau Keng Siong:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya ambil bahagian membahas, saya suka ambil peluang untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Tuan Haji Shaharom yang telah dilantik sebagai Yang di-Pertua. Tuan Haji Shaharom memang ada pengalaman. Beliau telah duduk dalam Dewan ini hampir enam tahun. Jadi seperti rakan-rakan kita, Tuan Haji, saya pun merasa bangga. Jadi pada petang ini saya memang percaya Tuan Haji dapatlah menjalankan tugas-tugas dengan sempurna. Terima kasih,

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di Dewan yang mulia ini untuk bersama-sama membahaskan-Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Bidan 1966 dan untuk memperluaskan pemakaian Akta sebagaimana dipinda ke Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, kerja bidan-bidan memang mustahak, kalau dibandingkan dengan jururawat. Tetapi gajinya kalau dibandingkan, beza jauh, oleh sebab bidan-bidan ada tanggungjawab penuh terhadap wanita-wanita yang hendak bersalin di hospital-hospital atau di hospital-hospital private. Sebelum mereka menjadi bidan-bidan, mereka sumpah pcnuh hendak patuh kepada undang-undang apa yang dikenali oleh bidan-bidan. Akan tetapi selalu kita dengar di hospital-hospital, bidan-bidan yang cukup baik pun ada berbudi bahasa pun ada, yang kasar pun ada.

Saya ingin membawa satu perkara yang berlaku beberapa tahun yang lalu. Masa itu saya berumur 24 tahun dan berkahwin. Isteri saya masuk hospital hendak bersalin. Saya sendiri dengar ada bidan mengeluarkan perkataan yang tidak molek, yang kasar sekali, "mengapa awak hendak kahwin. Masa itu awak kahwin, itu jam, minta maaf, awak tidak bilang hari-hari, suami isteri 'make love', dengan iain, tetapi apabila hendak bersalin, bising 'ayo, ayo" [Ketawa], itu dan ini". Itu memang tidak patut. Saya memang dengar dengan telinga saya sendiri, sampai saya sendiri beri amaran yang tegas, sampai bidan itu minta maaf.

Tuan Yang di-Pertua, bila seorang wanita hendak bersalin, kalau anak yang pertama memang susah bermacam-macam, menjerit-jerit sampai menangis, patutlah sebagai bidan yang ada berbudi bahasa menasihatkan mereka, menasihatkan dengan perkataan yang lembut dan baik. Tetapi sebaliknya kita boleh katakan kebanyakan bidan adalah baik. Baru-baru ini dua tiga bulan yang lalu di Hospital Daerah Muar, ada berlaku satu perkara yang saya fikir tidak patut dilakukan. Ada seorang anak yang baru dilahir dekat tiga, empat hari sudah hilang. Seorang luar yang memakai pakaian bidan masuk dan kata, "Doktor hendak periksa anak ini". Selepas itu anak pun sudah hilang. Langsung sampai hari ini, saya fikir tidak dapat dicarinya. Selepas itu Penguasa Hospital dan semua kakitangan kelam-kabut.

Jadi, sekarang sesiapa yang hendak melawat hospital, hendak cukup masa baru boleh masuk. Mengapa hendak sampai perkara itu berlaku baru hendak diatasi. Saya tidak faham. Sebagai kakitangan Kerajaan mereka patut patuh kepada undang-undang. Mereka dapat gaji

daripada rakyat jelata. Rakyat jelata bayar cukai. Jadi Kerajaan pungut cukai. Kalau mereka tidak boleh jalankan tugas dengan betul-betulnya, letak jawatan.

Oleh sebab pada masa sekarang pcngangguran makin lama makin tambah, orang-orang yang menunggu hendak cari kerja, kerja tidak ada. Bila tidak dapat kerja mereka menjadi pencuri, perompak, begitu dan begini. Jadi, Kerajaan kita pun susah juga,

Ada satu kes lagi. Seorang pergi ke Rumah Sakit Muar. Di Hospital Muar, ini pun berlaku. Dia hilang \$500. Ini menantu orang besar, bekas pemimpin orang besar, Jadi orang ini sekarang pun berlawan juga dengan Kerajaan. Dahulu beliau sendiri pegang satu jawatan dalam Kerajaan. Selepas itu semua pintu-pintu di hadapan hospital ditutup. Orang ramai atau rakyat jelata yang hendak melawat hospital kena pusing ke belakang. Ini patutkah tidak? Ini menyusahkan orang ramai yang hendak melawat pesakit-pesakit di hospital. Kadang-kadang orang tidak ada kereta, tidak semua orang ada kereta, ada orang yang naik bas, ada orang yang jalan kaki, hendak pusing sampai ke belakang baru boleh masuk. Kita sudah beberapa kali bincang dengan doktor-doktor dan minta dibuka pintu hadapan tetapi tidak dapat. Cara macam ini patutkah tidak? Jadi, sebelum perkara berlaku, kita mesti hendak jaga betul-betul. Sebelum hujan mesti sediakan payung, takkan sampai hujan, cari payung, kelam-kabut. Itu tidak patut.

Tuan Yang di-Partua, jadi saya harap Kementerian Kesihatan bila hendak ambil bidan-bidan atau jururawat ini, mesti yang pertama sekali tanya sama ada mereka akan patuh kepada undang-undang dan

disiplin atau tidak. Kalau mereka tidak boleh bertanggungjawab, jangan beri peluang kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Rang undang-undang **ini**, bila jadi Akta, saya harap jururawat dan bidan-bidan di hospital-hospital dapatlah gaji yang lebih tinggi. Boleh jadi pada masa sekarang mereka ada pemasan yang tidak baik, gaji tidak tinggi, tidak cukup makan, jadi kerja pun tidak memuaskan. Jadi, manusia macam **itu**, bila mereka pandang ada orang yang kerja di hospital dengan gaji besar, mereka kata, "Kerja kami lebih berat, lebih penting, tetapi gaji rendah. Jadi, apabila mereka pandang begitu, saya fikir kerja-kerja mereka pun tidak memuaskan. Apabila Kerajaan kita hendak mengubahkan, hendak naikkan gaji kakitangan Kerajaan, selalu kita baca di dalam suratkhabar bahawa orang yang ada pangkat tinggi dapat lebih wang dan orang yang rendah gajinya tidak berapa banyak.

Saya fikir yang ada pangkat tinggi itu gaji mereka sudah mencukupi tidak payah naik begitu banyak, patut tambah lebih sedikit kepada kakitangan Kerajaan yang rendah. Jadi mereka boleh tanggung-jawab keluarga mereka. Bila keluarga mereka tidak ada masalah, ekonomi baik semua dapat makan, saya fikir mereka tidak ada masalah kerja sampai tidak puas hati. Memang selalu, kita dengar daripada orang ramai kerja bidan-bidan ini memang teruk. Mereka hendak bertanggungjawab sepenuhnya kepada ibu yang hendak bersalin. Apabila satu ibu sebelura bersalin atau sudah bersalin selepas itu, tidak cukup jaga baik, selepas itu sudah meninggal dunia maka mereka memberi satu gambaran kepada orang ramai mereka tidak jaga betul-betul kepada ibu-ibu yang hendak bersalin.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hospital di Daerah Muar sekarang saya fikir bukan bidan-bidan sahaja tidak mencukupi, termasuk doktor-doktor pun tidak mencukupi. Pada masa sekarang di daerah Muar doktor pakar jantung tidak ada. Ada satu sekarang bukan specialist jantung. Di daerah Muar boleh dikatakan dalam negeri Johor, satu daerah yang besar sekali selalu ada orang koraplen doktor-doktor pakar tidak cukup terutama sekali doktor mata, doktor telinga pun tidak cukup. Patut Hospital Daerah hendak isytiharkan sebagai General Hospital baru patut oleh kerana daerah ini satu daerah yang besar, hendak kita, dengan izin, orang sakit dari Segamat, dari Keluang, dari Batu Pahat, kadang-kadang surgeon pun tidak cukup, cuma satu orang. Kalau kita lihat pekerja, kasihan kepada mereka. Tetapi saya sudah bawa banyak kali dalam Dewan yang mulia ini, dijawab oleh Timbalan Menteri Kesihatan beberapa bulan

yang lalu. Beliau menyatakan kalau dibandingkan Muar dengan lain daerah, Muar nasib baik. Itu cakap tipu, tidak benar, Saya cakap, "tidak benar", mereka tidak sampai ke Hospital Daerah Muar, siasat sendiri, dengar sahaja, Sampai hari ini , saya fikir Hospital Daerah Muar ditinggalkan begitu sahaja. Pihak Kementerian siapa pun tidak pergi melawat tempat itu. Ada satu kali dijanjikan melawat Hospital Daerah Muar. Kita sebagai panimpin parti tunggu-tunggu sampai masa satu jam, kata "cancel", dengan izin, tidak melawat. Di Segamat, Keluang, dia melawat. Ini adalah pilih kasih, saya fikir tidak patut. Jadi.....

**Dato' Chan Siang Sun:** Yang Berhormat Senator , bukan doktor tetapi bidan.

**Tuan Haji Shaharom bin Maasom:** Minta Yang Berhormat supaya balik kepada....

**Tuan Lau Keng Siong:** ....minta maaf. Oleh sebab bidan pun ada berkaitan dengan doktor juga sama juga, kerja di sebuah rumah sama, kalau baik semua baik, tidak baik semua tidak baik, ada lebih kurang juga. Jadi, bukan saya hendak hentam doktor, tidak. Perkara benar saya mesti bawa, baru Yang Berhormat Menteri Kesihatan memang orang yang baik. Baru dia tahu apa yang berlaku. Kalau tidak, tak tahu apa yang berlaku. Nanti bila sampai tulis surat mereka kata awak tidak bawa dalam Dewan yang mulia ini . Oleh sebab itulah ada berkaitan baru saya bawa. Bukan saya hendak hentam ini doktor , tidak. Dengan ikhlas hati.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana nanopnya kerja bidan ini sangat mustahak, saya fikir sampailah masa Kerajaan bertimbang rasa naik taraf mereka sampai satu hari mereka boleh jadi jururawat, Pendidikan meraang, sebab pengalaman mustahak juga. Kadang-kadang ini bidan mereka ada pengalaman yang tinggi boleh ganti dengan pendidikan. Jadi, bila satu bidan sudah kerja beberapa tahun, saya kadang-kadang tengok dia lebih pandai daripada satu doktor muda. Jadi, saya harap tadi Yang Berhormat Dato' Chan Siang Sun jangan salah faham, bukan kerana Menteri ada di sini saya hendak hentam Menteri, bukan. Oleh kerana bidan-bidan, jururawat-jururawat dan doktor-doktor ada berkaitan, raereka mesti bekerjasama. Kalau bidan tidak baik, nama doktor pun jatuh. Kalau bidan baik semua kaki-tangan baik, nama doktor pun naik. Jadi, di sini saya sekali lagi mengarabil peluang untuk menyokong Rang Undang-undang satu Akta-untuk meminda Akta Bidan 1966 ini. Sekian.

**Tuan Haji Shaharom bin Maasom:** Yang Berhormat Puan Habidah binti Jusoh.

**4.57 ptg.**

**Puan Habidah binti Jusoh:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk bersama-sama dengan rakan-rakan bagi menyokong Rang Undang-undang bernama saatu Akta untuk tnaninda Akta Bidan 1966 dan untuk memperluaskan pemakaian Akta sebagaimana dipinda ke Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum dari itu saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom kerana dapat menduduki kerusi Yang di-Pertua pada petang **ini**.

**Tuan Haji Shaharom bin Maasom:** Jadi Pengerusi mesyuarac sahaja, Yang Berhormat.

**Puan Habidah binti Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua, saya hanya akan mengambil masa yang ringkas sahaja untuk memberi pandangan mengenai dengan Akta Bidan ini. Oleh kerana ianya adalah mencakupi permasalahan wanita, sekaligus merangkumi persoalan kanak-kanak atau persoalan generasi muda maka sebab itulah saya juga amat tertarik untuk mengambil bahagian pada petang ini.

Tuan Yang di-Pertua, sepanjang pengetahuan saya, bidan-bidan yang berkhidmat di negara ini telah ditempatkan di rumah-rumah khas yang terdapat di merata-rata tempat dan karapung-kampung tetapi yang menjadi persoalannya ialah bila berlaku kes-kes yang serius atau di dalam keadaan segera maka timbulah masalah hendak memanggil bidan di waktu tengah malam.

Oleh kerana kita sedia maklum iaitu sakit untuk melahirkan bayi atau untuk melahirkan anak ini bukanlah boleh ditahan dan ditangguh-tangguhkan seperti tnana juga kita menemui ajal daripada Allah Subhanahu-Wa-Taala, sebagaimana firmannya yang bermaksud: Apabila datang ajal seseorang **itu**, maka tidak boleh ditangguh-tangguhkan lagi sama ada sesaat ataupun seketika, begitu juga tidak boleh dipercepatkan dan dilambatkan walaupun sesat.

Tuan Yang di-Pertua, tidakkah boleh ditempatkan di rumah-rumah bidan itu kemudahan telefon ataupun telefon awam bagi menyenangkan kepada penghuni-penghuni dan pesakit-pesakit untuk menghubungi bidan di dalam keadaan yang tertekan ataupun tardesak tadi. Walau bagai-raanapun, saya merasa bangga dengan adanya perkhidmatan perbidanan ini ramai **suri-suri** rumah merasa lega dan senang hati seolah-olahnya sudah ada tempat mengadu.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai jawatan bidan ini pula, saya yakin pihak JPA dan Kementerian Kesihatan dapat mengiktirafkan-jawatan bidan ini sebagai satu jawatan "professional" seperti mana datuk nenek kita dahulu menyerahkan semua persoalan ibu mengandung kepada bidan-bidan. Oleh itu, perlulah dalam meningkatkan lagi kemahiran mereka dengan diberi latihan dan didedahkan kepada mereka berbagai kursus untuk meningkatkan lagi mutu perkhidmatannya di samping membuka peluang untuk kenaikan pangkat yang lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam menyokong Akta ini juga, saya rasa bidan-bidan juga perlulah didedahkan dengan pengalaman-pengalaman yang secukup-cukupnya apabila hendak diletakkan di kampung-kampung bagi menjaga satu-satu kawasan dengan membiarkan bidan-bidan yang baru itu mengikuti dan melihat dahulu kerja-kerja

yang dijalankan oleh bidan-bidan yang berpengalaman begitu lama agar ianya sebatи , barulah boleh dilepaskan menjaga kawasan.

Tuan Yang di-Pertua, kita sering mendengar orang-orang kampung menyatakan perasaan kurang senang dengan bidan-bidan baru yang kadang-kadang kurang serasi dengan mereka, apatah lagi kalau bidan-bidan yang berkenaan kurang cekap jika dibandingkan dengan bidan-bidan yang telah tarkenal.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pihak Kerajaan hendak membuka semula Buku Daftar bagi bidan-bidan kampung, saya amatlah bersetuju dan berharap supaya bidan-bidan kampung, maksud saya yang tidak mengamalkan perkara-perkara khurafat sebagaimana yang disebutkan oleh salah sseorang daripada rakan kita tadi, kepada mereka ini hendaklah diberikan latihan teknik yang moden dari segi perbidanan. seperti yang sedang dilakukan sekarang. Di samping itu eloklah Kerajaan mengadakan satu skim bantuan di dalam bentuk elaun kepada bidan-bidan kampung yang berdaftar di bawah Kementerian Kesihatan kerana memandangkan pengalaman dan kebolehan mereka di dalam hal perbidanan dan keibuan amatlah membanggakan , kerana mereka itu bukan sahaja pakar di dalam bidang peranakan dan kelahiran bayi tetapi mereka juga pakar di dalam bidang urutan dan urat saraf ibu yang tidak kedapatan pada kiraan saya pada bidan-bidan moden atau bidan-bidan Kerajaan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin kica terasa bahawa dengan adanya bidan-bidan kampung atau bidan-bidan tradisional yang dapat melegakan seseorang ibu yang menghadapi masalah kerana ianya bukan sahaja dapat menyelesaikan problem jasadiah, kadang-kadang ia juga dapat menenangkan jiwa dan kerohanian si ibu dengan nasihat-nasihat agama

dan bacaan ayat-ayat ataupun doa, kerana sebagaimana kita pernah dengar orang-orang tua kita berkata, seseorang ibu yang hendak melahirkan anak itu adalah antara dua - mati dan hidup. Maka oleh sebab itu, memanglah sesuai pihak Kerajaan meminda Akta ini supaya menjaga keselamatan ibu-ibu yang akan melahirkan generasi demi generasi untuk menambahkan lagi rakyat yang sudah sedia ada sebagaimana yang dikehendaki oleh negara kita untuk memenuhi 70 juta rakyat di dalam negara ini dalam masa tahun 2000 yang akan datang. Dengan itu, saya menyokong Rang Undang-undang ini untuk diluluskan. Terima kasih.

**Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom:** Yang Berhormat Tuan Sivalingam.

#### **5.07 ptg.**

**Tuan A.K. Sivalingam:** Tuan Yang di-Pertua, kali ini saya ingin membahaskan mengenai suatu Akta untuk meminda Akta Bidan 1966 dan untuk memperluaskan pemakaian Akta, sebagaimana dipinda, ke Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Bagi pengetahuan Dewan yang mulia ini, masyarakat di ladang-ladang sentiasa bersedia untuk bekerja kuat untuk meningkatkan ekonomi negara melalui industri pertanian di ladang-ladang, tetapi jika kita perhatikan, adakah majikan-majikan mereka menyediakan kemudahan di pusat-pusat kesihatan seperti group hospital. Maka jawapannya menyediakan.

Pada pendapat saya, sebahagian majikan di ladang-ladang tidak menyediakan kemudahan group hospital. Di sini saya berikan beberapa contoh yang pada pendapat saya harus disebutkan di dalam Dewan yang

mulia ini. Misalnya di Ladang Midlands dekat Kalang di mana tnajikannya ialah PKNS, mereka tidak mengadakan kemudahan group hospital. Sebahagian penduduk ladang ini terpaksa pergi ke group hospital yang disediakan oleh Guthrie Sdn. Bhd. Biasanya pegawai-pegawai yang berkhidmat di group hospital itu tidak pakar dalam bidang perubatan. Jika berlaku kemalangan yang serius maksud saya ialah kecemasan, maka penduduk ladang itu tidak ada jalan lain melainkan pergi ke hospital di bandar-bandar yang berhampiran.

Saya ingin menceritakan di sini suatu peristiwa sedih yang benar-benar berlaku di Pulau Carey dekat Banting di mana akibat tidak adanya kenderaan ambulans, maka seorang pekerja ladang yang digigit ular telah meninggal dunia sebelum sempat dikejarkan ke Hospital Besar Kelang. Ini adalah satu peristiwa sebagai contoh sahaja. Mungkin ada beberapa peristiwa lain yang lebih dahsyat yang tidak sampai ke pengetahuan awam. Di dalam zaraan moden ini, walaupun sains dan teknologi telah berkembang maju tetapi aneh juga masih terdapat ladang-ladang yang langsung tidak mempunyai group hospital ataupun kalau ada pun bangunan group hospital itu mungkin dalam keadaan yang usang. Pihak majikan tidak memperdulikan akan hal ini, walaupun pihak MIC telah berkali-kali mengingkatkan mereka akan hal ini. Satu contoh yang baik yang ingin saya sebutkan di sini adalah ladang Raja Musa di Kuala Selangor.

Di ladang ini dahulunya terdapat kemudahan bersalin yang sempurna di group hospitalnya tetapi sekarang ini kemudahan itu tidak wujud lagi. Yang menyediakan hati ialah group hospital di ladang ini adalah yang tunggal yang mewakili 7 buah ladang lagi iaitu Ladang Kampung Baru, Ladang Eng Kong, Ladang River Side, Ladang Bukit Belimbing, Ladang Sungai Terap dan Ladang Beufort.

Bagi pesakit-pesakit wanita di ladang ini tiada seorang pun Jururawat wanita dan ini merumitkan mereka kerana mereka kurang senang untuk memberitahu masalah mereka kepada Pembantu Hospital lelaki. Maka di situ kita sedar betapa pentingnya saorang Pembantu Hospital wanita harus berkhidmat dengan group hospital di ladang itu mahupun di tempat-tempat lain. Di ladang itu juga saya difahaman kemudahan elektrik tidak disediakan di sepanjang waktu malam. Kadang kala pesakit-pesakit yang tinggal di situ tidak dibenarkan dijaga oleh sanak saudara mereka, tambahan pula tidak ada pegawai yang ditempatkan di group hospital itu dan pesakit sentiasa sahaja tinggal di dalam keadaan ketakutan kerana nyawa mereka tidak **terjamin** di waktu malam.

Jika berlaku kes-kes yang serius mereka terpaksa membawa pesakit ke Tanjong Karang tetapi yang sedihnya ialah pihak majikan tidak menyediakan ambulans bagi masa kecemasan. Kadang-kadang keadaan group hospital di kebanyakaa ladang-Iadaag kurang memuaskan, misalnya keadaan di sekitaran group hospital di ladang Raja Musa tiada dipagar, terdapat takungan air dan saluran longkang pula tidak memuaskan. Ini semua membahayakan lagi kesihatan pesakit-pesakit yang tinggal di hospital itu.

Maka di sini suka saya mengingatkan Kementerian Kesihatan supaya mengambil langkah-langkah yang sesuai dengan segera bagi mengatasi masalah-masalah ini bukan sahaja di ladang-ladang dekat Kelang atau ladang Raja Musa dekat Kuala Selangor tetapi di group hospital yang lain yang terdapat di seluruh negeri.

Satu hal lagi yang juga tidak kurang penting yang saya ingin sebutkan di sini ialah terdapat sebilangan group hospital yang hanya mempunyai Pembantu Hospital yang tidak pakar dalam bidang perubatan yang tidak berkelulusan. Hal ini harus dipandang berat dan mesti diatasi segera dengan menempatkan seorang pakar perubatan di tiap-tiap group hospital. Baru-baru ini Timbalan Meateri Kesihatan mengeluarkan satu kenyataan di mana beliau mahu semua group hospital di seluruh negara didaftarkan dengan Kementeriannya sebelum hujung tahun ini. Ini adalah satu langkah yang baik daa harus dipuji oleh kita semua. Dengan langkah ini setnua group hospital akan diawasi oleh Kementerian Kesihatan. Dengan ini lambat laun semua group hospital di ladang-ladang akan beroperasi dengan sempurna.

Bagi mencapai maksud ini, pihak majikan harus mengikis tabiat buat tidak tahu mereka, sebaliknya bekerjasama dengan Kementerian melalui usaha mereka dan mendaftarkan dengan Kementerian bagi mencapai maksud yang murni ini.

**Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom:** Saya benarkan seorang lagi. Jemput Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah.

**5.15ptg.**

**Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya bersama-sama rakan yang lain turut bangun untuk membahaskan Rang Undang-undang suatu Akta untuk meminda Akta Bidan 1986 dan untuk memperluaskan pemakaian Akta, sebagaimana dipinda, ke Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Sebelum aaya meneruskan ucapan ini, saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Tuan Haji Shaharom yang telah dipilih untuk mengetuai Dewan ini pada petang ini dan ini adalah satu penghormatan bagi Yang Berhormat itu.

Kepada Kementerian Kesihatan, saya mengucapkan tahniah kerana telah membuat pindaan ini dan saya percaya apabila undang-undang ini diluluskan ia akan dapat dikuatkuasakan di seluruh negara dan akan memberi faedah yang lebih kepada rakyat di seluruh negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, bila kita menyebut bidan ianya merupakan satu jawatan yang amat penting pada masyarakat kita dan bidan- ini hanya boleh dijawat oleh orang perempuan sahaja. Kita mendengar lagi jawatan ini diberi kepada kaum lelaki yang ada hanya doktor-doktor pakar sahaja dalam hal-hal perbidanan. Tetapi kadang kala ada juga orang lelaki menjadi bidan atau lebih dikatakan bidan terjun. Ia terpaksa melakukan kerja ini kerana sesuatu kes yang tidak dapat dielakkan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab jawatan bidan ini memainkan peranan yang amat penting kepada masyarakat kita khasnya ibu-ibu dan kalau dahulu di kampung-kampung orang yang mendapat tempat di kampung-kampung ialah bidan, tok penghulu, tok bomoh dan inilah

orang-orang yang menjadi tumpuan perpaduan bagi sesebuah masyarakat. Jadi peranan bidan bukan sahaja untuk menyambut kelahiran bayi dan merawat ibu-ibu mengandung tetapi juga menjadi lambang perpaduan kepada sesebuah masyarakat itu. Setiap bidan hendaklah menunjukkan ketokohnannya bukan sahaja dari segi tugas tetapi dari segi penglibatannya kepada masyarakat. Sebab itulah tok-tok bidan di kampung mendapat tempat di hati orang kampung kerana mereka melayan anak-anak bidannya begitu lagi tertib, bersopan santun dan sifat mengasihi.

Apa yang saya ingin kemukakan di sini ialah sikap setengah bidan-bidan kita walaupun telab. diperkatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, saya juga ingin menyampaikan hal ini kerana setengah-setengah bidan kita ini bersikap kadang kala angkuh, tidak mengambil berat dan separuhnya mnenyeksa ibu-ibu yang sedang mengandung. Saya dapati banyak aduan ataupun percakapan daripada ibu-ibu yang terlibat terutamanya di Hospital-hospital Daerah ataupun di Hospital Besar. Saya dari Johor, saya sukalah menarik perhatian Hospital Daerah Kota Tinggi mahupun Hospital Besar Sultanah Aminah di Johor Bahru sendiri.

Kadangkala ibu-ibu yang sarat mengandung rainta bantuan untuk ketandas, setengah jururawat tidak mengindahkan dan menyuruh pesakit itu berjalan sendiri, kadangkala mereka jatuh di tandas. Setengah ibu-ibu mengandung yang sarat mengandung hendak melahirkan kesakit-an, ditengking-herdik dan mengeluarkan kata-kata yang amat memilukan dengan kata-kata, saya minta maaf di Dewaa yang mulia- ini, "masa sedap - diam, senyap; masa sakit - riuh-rendah, terpekik terlolong". Inikah sikap bidan-bidan kita yang dilatih begitu lama oleh Kerajaan? Saya rasa kalau inilah berlaku terus-menerus menyebabkan ibu-ibu yang mengandung hendak melahirkan di hospital ini berasa bimbang, khuatir dan ada yang pernah mengatakan kepada saya mereka serik, tidak mahu melahirkan lagi. Kalau inilah, saya setuju dengan Yang Berhormat tadi, apakah matlamat 70 juta dasar negara kita itu akan tercapai pada tahun, 2000 nanti? Secara tak langsung, sudah membunuh semangat ibu-ibu yang boleh lagi melahirkan itu untuk terus melahirkan dengan sebab layanan-layanan yang buruk, saya katakan, diterima.

Pernah seorang anggota tentera yang berpangkat saya rasa Kapten ke atas, datang untuk bertanyakat hal isterinya di hospital. Pada masa pegawai itu ada, pihak bidan ini menunjukkan dengan cara yang manis, tetapi bila pegawai itu keluar, apa katanya, "Oh, ingat pangkat dia besar sangatkah, minta jaga semua isteri dia begitu baik, apa isteri dia seorang sahaja hendak bersalin?" Jadi, saya rasa tak elok jugalah, kerana kata-kata itu didengar oleh pesakit-pesakit lain yang sedang sarat hendak melahirkan.

Semalam kita membahas panjang masalah Rang Undang-undang Mahkamah Kanak-kanak Juvana. Kita katakan anak-anak yang lahir sekarang pemikirannya begitu tidak menyenangkan. Saya percaya satu daripada sebabnya juga mungkin kelahiran mereka untuk datang ke dunia ini juga disambut dengan cara kasar, dengan cara tak ikhlas, raaka lahirlah satu manuaia yang tidak baik untuk negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap pihak Kementerian Kesihatan akan mengambil perhatian dalam perkara ini. Telah saya katakan tadi kalau bidan-bidan kampung kita dahulu begitu **teliti**, kalau anak bidannya mengadu kesakitan, dipujuk, dirayu, diberi kata-kata perangsang supaya mengurangkan perasaan kesakitannya. Tetapi kalau di hospital-hospital melakukan perkara macam ini saya rasa mereka yang sakit kalau 50% akan bertambah 80% ataupun 100% kerana dengan cara layanan-layanan yang diberikan ini,

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkanlah kepada Kementerian yang berkenaan supaya bidan-bidan ini yang sedang menjalani latihan amali umpamanya diberikan latihan-latihan, bagi yang beragama Islam kepada **nilai-nilai** Islam dan kepada yang bukan Islam pendidikan moral seharusnya diberikan kepada bidan-bidan ini supaya mereka faham bukanlah mereka masa latihan itu sahaja menunjukkan kemesraannya, kewibawaannya, tetapi lepas daripada itu mereka menunjukkan lagak yang tidak menyenangkan. Kalau mula-mula hendak masuk kerja hendak pergi temuduga cari Wakil Rakyat, cari Senator, cari Penghulu, Pegawai Daerah minta sokongan, bila sudah dapat kerja demikianlah laku setengah-setengahnya. Walaupun aaya kata bukan semua, tetapi ada sebahagian daripadanya, saya tidak menuduh semua, ada sebahagian daripadanya yang bersikap sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, menyebut masalah penempatan bidan-bidan di kampung-kampung, saya rasa seharusnya dikaji dan diperbanyakkan lagi klinik-klinik bidan di kampung-kampung ini kerana saya sendiri dapat melihat ibu-ibu yang sedang mengandung ini terpaksa berjalan berbatu-batu, naik perahu, naik motobot ataupun bot sangkut untuk mencari perkhidmatan bidan ini. Begitu juga dengan pusat kesihatan kecil ataupun besar yang saya rasa masih banyak lagi kakurangan doktor-doktor yang ada di situ dan setengah-setengah tempat doktor hanya datang pada masa-masa tertentu. Untuk mendapatkan rawatan, seorang ibu yang sarat mengandung terpaksa menunggu daripada jam 8.00 pagi sampai 2.00 petang, kadang-kadang tak ada rawatan, balik. Kalau-lah mereka itu mengandung sebulan dua, 3 bulan, 4 bulan tak ada masalah, tetapi kalau sudah terlambat sarat yang hampir hendak melahirkan adalah satu masalah bagi mereka. Ini juga saya rasa pihak Yang Berhormat Menteri dapat mengkaji kedudukan doktor-doktor kita yang masih berkurangan, khususnya di luar-luar bandar.

Menyentuh kepada rancangan FELDA, saya juga merasakan bahawa bidan-bidan yang ada sedia di rancangan FELDA itu tidak mencukupi. Saya tak tahu di mana silapnya kerana sesbuah rancangan FELDA itu untuk dibangunkan daripada mula ditebang sehingga peneroka dimasukkan memakan masa lebih 4 tahun. Dalam masa 4 tahun ini saya rasa tentulah panjang, boleh pihak Kementerian merancangkan untuk menempatkan rumah-ruraah bidan dari juga penempatan bidannya sendiri. Terdapat kadang-kadang bidan di terapat itu berlaku kes bersalin, terpaksa pula mencari bidan di rancangan lain, kebetulan pula bidan itu cuti, sudah satu masalah lagi. Jadi saya rasa harus bidan-bidan ini dilebihkan, bukanlah kadar seorang bagi setengah rancangan FELDA yang penduduknya lebih daripada 3,000 orang hanya scorang. Saya

rasa haruslah dikaji supaya dilebihkan bidan ini ataupun saya bersetuju tadi bahawa bidan-bidan kampung ini diberi latihan untuk mereka dapat sama-sama membantu bidan-bidan Kerajaan yang kurang ataupun yang tidak dapat bertugas.

Bidan juga saya katakan tadi terdiri daripada orang perempuan dan bidan ini juga kadangkala berkeluarga dan dia juga mengalami niasalah bersalin. Jadi, kalau dia juga bersalin dan orang tempat itupun hendak bersalin juga, saya rasa tentulah masalah. Jadi, saya haraplah perkara ini dapat diambil berat kerana dahulu saya pernah mengajukan satu pertanyaan kenapa bidan-bidan kampung ini tidak dibenarkan untuk menyambut kelahiran walaupun bidan-bidan ini telah mendapat latihan, kerana itu atas peraturan-peraturan yang ada.

Jadi, saya berharap apabila undang-undang ini telah diluluskan, bidan-bidan kampung hendaklah dilatih lebih ramai dan diberikan peranan yang serupa untuk membantu bidan-bidan yang ada kerana bidan-bidan kampung ini saya rasa bukan sahaja dia menyambut kelahiran, tetapi dia juga dapat membantu ibu-ibu yang baru bersalin seperti mengurut, orang Melayu saya rasa penting dengan mengurut ini, Setiap ibu yang mengandung di kampung-kampung bila melahirkan, dia mesti mendapatkan khidmat urut. Khidmat urut ini tidak ada kepada bidan-bidan kampung, dia hanya ada kepada bidan-bidan kampung, khasnya yang terlatih. Jadi, ini saya rasa harus kita beri kelonggaran supaya semua bidan-bidan kampung ini boleh memainkan peranannya, lebih-lebih lagi kalau bidan memang tak ada ataupun ada tugas lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mencadangkan kepada Kementerian ini kalau boleh ditubuhkan satu peraturan untuk membolehkan bidan-bidan sukarela ditubuhkan seperti juga Palang Merah, (St. John) yang memberi ahli-ahlinya pertolongan cemas. Saya rasa masalah perbidanan juga saharusnya diberi kepada kaum-kaum wanita melalui Persatuan Wanita ataupun Pergerakan Wanita UMNO di Cawangan-cawangan, di kampung-kampung ataupun Gerakan Persatuan Wanita di Felda-felda atau yang dikenal GPW. Mereka ini akan dapat memainkan peranan macam mana untuk menghadapi satu masalah membidangkan seorang wanita yang terpaksa melahirkan anak. Saya rasa kadang-kadang terpaksa orang lelaki jadi bidan terjun. Kalau yang terpaksa itu suami atau keluarganya, saya rasa itu tidak menjadi masalah. Kadang-kadang yang terpaksa - ini berlaku di perhentian-perhentian-teksi, pengkalan-pengkalan bot, di mana mereka terpaksa melahirkan anak di-dalam bot, di dalam kareta dan pengkalan-pengkalan teksi, kadang-kadang orang lain, atas rasa kemanusiaan dan simpati terpaksa menjalankan tanggungjawab ini. Saya kalau wanita-wanita diberi kursus ataupun latihan sukarela dalam segi perbidanan ini, maka satu masalah dapat diatasi melalui kumpulan-kumpulan ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu masalah lagi yang saya ingin kemukakan ialah masalah bidan di pulau-pulau. Umpamanya, Pulau Tioman. Walaupun Pulau Tioman ini dalam negeri Pahang, tetapi kebanyakan urusannya melalui Mersing, Johor. Saya pernah mendapat satu maklumat seorang ibu yang hendak melahirkan anak, tetapi bermasalah dan ibu ini terpaksa diselamatkan dengan secara segera untuk dibawa ke Tanah Besar. Jalan yang ada hanya melalui helikopter iaitu

melalui Tentera Udara Di Raja.

Saya juga difahamkan kalau panggilan ini dibuat oleh bidan, bidan akan menanggung kos memanggil helikopter itu. Apakah ini tidak dapat dirundingkan antara pihak Kementerian? Kalau hendak bayaran bercuma katanya, mestilah melalui suami ataupun keluarga terdekat si pesakit. Kalau keadaan yang begitu darurat, dan orang kampung ini bagaimana Tuan Yang di-Pertua sedia maklum bukanlah senang untuk mendapat khidmat macam ini. Terpaksalah melalui bidan tetapi kalau bidan memberi maklumat atas namanya sebagai seorang bidan - itulah yang orang kampung harapkan, kalau orang Kerajaan ini mesti mudah - tetapi bidan tidak berani. Kalau dia panggil dia akan bayar kos penerbangan itu. Jadi, apakah ini tidak boleh diperimbangkan oleh pihak Kerajaan ataupun Kementerian berkenaan.

**Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom:** Diminta Ahli Yang Berhormat pendekkan ucapan kerana kita ada satu usul yang akan dibentangkan.

**Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah** Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya memang hendak berhentikan perbahasan ini dan saya tidak berhajat hendak meneruskan lagi.

Itulah sahaja yang dapat saya kemukakan di Dewan ini dan saya penuh harapan diatas apa jua pandangan-pandangan yang diberikan ini akan mendapat perhatian yang berat oleh pihak kementerian. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon menyokong.

**Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom:** Saya jemput Yang Berhormat Menteri Kesihatan menjawab.

**5.34 ptg.**

**Menteri Kesihatan [Dato' Chan Siang Sun]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya jaga dengan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator dalam Dewan ini mengucapkan cahniah dan juga mengalu-alukan Yang Berhormat Tuan Pengerusi yang menjadi Pengerusi pada mesyuarat sekarang.

**Tuan Haji Sharom bin Haji Maasom:** Terima kasih.

**Dato' Chan Siang Sun:** Dengan pengalaman daripada Tuan Pengerusi tentulah Dewan ini menjadi meriah dan lebih bersemangat untuk kita semua, insya Allah.

**Tuan Haji Sharom bin Haji Maasom:** Insya Allah.

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima, kasih kepada semua Senator-senator yang telah memberikan pandangan, teguran dan juga cadangan-cadangan yang manbina untuk bidan-bidan dan juga untuk keseluruhan perbidanan di dalam negara kita ini, khasnya kepada Kementerian Kesihatan. Di atas cadangan-cadangan, teguran-teguran dan juga kritik-kritik yang berkenaan dengan hospital, bidan, Kementerian Kesihatan menerima dengan baik. Jadi saya berharap mudah-mudahan kelemahan-kelemahan itu kalau ada, tentulah kita akan dapat mengatasinya dan supaya perbidanan di dalam negara kita ini dapat dijalankan dengan baik dan juga faedahnya akan dapat diberikan kepada seluruh rakyat kita.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah memberikan pujian-pujian dan juga sokongan kepada Kementerian dan dengan sokongan dan pujian-pujian ini tentu-lah menjadi satu inspirasi yang baik kepada Kementerian, khasnya kepada bidan-bidan supaya mereka akan dapat memainkan peranan yang

lebih positif, dan bekerja kuat untuk rakyat di dalam negara kita ini. Saya juga suka mengambil kesempatan ini menyatakan di sini bahawa bidan-bidan dan juga jururawat-jururawat desa di dalam negara kita ini telah memainkan peranan ke satu tahap yang mana pada hari ini kita dapat banggakan dengan petunjuk yang ada pada hari ini. Pada tahun **1986** - dua tahun lepas - yang mana dari segi kadar kematian bayi di dalam negara kita ini dari semenjak tahun 1957 (tahun kemerdekaan) - masa itu dalam 1000 kelahiran bayi 76 yang meninggal.

Pada tahun 1986 angka atau kadar kematian ini sudah menurun kepada 15.6 dan ini satu kadar yang sudah menurun dan ibu-ibu bersalin pula dari tahun 1957 (tahun merdeka) - dalam 1000 kelahiran ibu bersalin, 3,2 meninggal. Pada tahun 1986 sudah turun kepada 0.3 - dalam 1000 kelahiran dan bersalin. Jadi, inilah angka-angka yang menunjukkan bahawa kadar kanatian bayi dan ibu itu sudah dapat mencapai satu tahap yang membanggakan.

Juga pada hari ini dalam masa pembentangan Akta Bidan ini, saya telah menyatakan bahawa dengan kelulusan Akta ini dari segi pendaftaran, dari segi pengawasan amali, dari segi latihan, peperiksaan dan sebagainya, kita akan dapat menguruskan dengan baik dan juga dengan satu cara yang mana satu masa dahulu tidak dapat diselaraskan dan juga tidak dapat memberikan peluang, khasnya kepada bidang di kampung, yang mana pada hari ini masih ada belum didaftarkan lagi dengan kita, iaitu di Semenanjung kita masih ada 2,447, di Sabah 608 dan Sarawak 1,211.

Jadi, selepas kelulusan Akta Bidan ini, mereka itu akan dapat peluang dimasukkan dalam Bahagian IV Buku Daftar Bidan kita. Dengan angka-angka ini, Tuan Yang di-Pertua, saya harap dapat memberikan satu gambaran yang jelas kepada kita yang mana Akta Bidan ini, selepas pindaan ini, akan dapat dijadikan satu Akta yang sangat-sangat penting dan juga dapat memberikan faedah kepada negara kita,

Barangkali saya tidak dapat menjawab semua soalan-soalan atau semua pandangan-pandangan yang disampaikan oleh Yang Berhormat Senators dan saya cuma memilih apa yang saya rasakan penting atau saya rasakan penjelasan hendak diberi kepada Dewan supaya kita dapat gambaran yang lebih jelas berkenaan dengan perkara-perkara itu.

Senator Ainon Ariffin ada menyebutkan beberapa perkara. Perkara yang penting sekali ialah beliau hendak tahu yang mana, dengan peruntukan-peruntukan yang kita dapat untuk Kementerian, beliau pun harapkan supaya dari segi fizikal, klinik-klinik bidan kita , atau pusat kesihatan kita dapat dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan yang lebih baik dan juga dengan menambahkan bidan-bidan kita kepada klinik-klinik itu supaya ia dapat dijalankan dengan lebih teratur dan ini tentulah menerima perhatian daripada Kementerian.

Untuk memberitahu nisbah bidan dengan penduduk, pada hari ini ukuran daripada Kementerian ialah satu bidan untuk 2,000 penduduk. Ini kita dapat ambil dari segi ukuran kasar. Dengan ini sungguhpun dalam negara kita ada kawasan pendalaman, ada kawasan yang dekat dengan bandar kecil dan juga ada kawasan bandar dan sebagainya, jadi untuk menetapkan satu angka barangkali oleh kerana kawasan itu ada berlainan dari segi fizikal, tidak mudahlah untuk kita berbuat demikian.

Senator Ainon Ariffin juga bertanya di bawah Fasal 14 mengenai Seksyen 16 Akta ibu yang mana dikatakan kita sudah memotong perkataan-perkataan "dan Pihak Berkuasa Penyeliaan Tempatan Negeri di mana dia bertujuan menjalankan amalan". Ini dapat dipotongkan oleh kerana dalam Akta yang dipinda ini tidak ada lagi Pihak Berkuasa Penyeliaan Tempatan Negeri. Walau bagaimanapun, Pendaftar masih juga ada, diganti dengan Pendaftar ini, jadi ika ada apa-apa hal berkaitan bidan-bidan dapat dilaporkan kepada Pendaftar ini.

Seksyen baru 19A yang mana Ketua Pengarah boleh memberikuasa kepada pegawai awam untuk menjalankan kuasa-kuasanya. Jadi, ini penting oleh kerana dalam perjalanan hal perbidanan di seluruh negara kita ini, kita berkehendakkan pegawai-pegawai ini untuk tnen-jalankan tugas penyeliaan dan sebagainya. Kalau kuasa ini setnuanya terletak kepada Ketua Pengarah, barangkali ia tidak memadailah. Jadi, Ketua Pengarah boleh memberikuasa di bawah Akta ini kepada pegawai-pegawai awam secara bertulis dan kuasa-kuasa itu juga dapat ditetapkan oleh Ketua Pengarah itu sepertimana yang terdapat di bawah pindaan Akta ini.

Senator Dahalan Haji Embun juga ada menyebutkan dari segi meng-adakan garispanduan mengenai pengguguran. Perkara ini tentulah kita mengambil perhatian dan pada masa sekarang, dari segi pengguguran, di bawah Kanun Kesiksaan ianya adalah satu jenayah. Cuma dalam keadaan atau saat yang genting untuk menyelamatkan ibu sahajalah pengamal perubatan itu boleh buat pengguguran dengan bukti-bukti tertentu.

Jadi, dengan ini kita berharap masyarakat umum dapat tahu perkara ini dan jikalau ada cara-cara seperti disebutkan oleh beberapa Yang Berhormat-Yang Berhormat Senator tadi, ada praktis-praktis yang tidak mengikut apa yang saya sebutkan, cara-cara itu tentulah menjadikan perbuatan itu satu jenayah.

Senator Hajjah Salbiah Mohd. Akim ada sebutkan beberapa perkara dan yang pentingnya beliau mengingatkan kepada Kementerian supaya keselamatan untuk bidan-bidan di kampung dapat diambil perhatian. Pihak Kementerian sudah membincangkan perkara ini, banyak masa telah diberikan kepada perkara ini, dan kita selalulah meminta kerjasama daripada ketua-ketua kampung daa juga daripada masyarakat kampung supaya **bila-bila** masa bidan bertugas di kampung, kita berharap dapat kerjasama dan sokongan. Pada masa akan datang kita berharap masyarakat kampung akan juga dapat memberikan pertolongan dari segi keselamatan dan sekiranya barangkali ada masalah-masalah berkaitan dengan pengangkutan, komunikasi dan sebagainya, kita berharap juga dapat kerjasama dari semua pihak.

Akta Bidan ini juga dapat mengawasi klinik-klinik swasta, ini bermakna klinik-klinik swasta juga di bawah Akta Bidan ini, yang mana dari segi amali, dari segi menjalankan perbidanan semua klinik-klinik swasta juga dapat diawasi di bawah Akta ini.

Senator Lau Keng Siong juga menyebutkan beberapa perkara, banyak berkenaan dengan negeri Johor. Sikap-sikap bidan dan disiplin bidan ini selalulah menjadi satu tajuk utama untuk Kementerian Kesihatan dan dalam perjalanan latihan, dalam kursus dan juga dalam penyeliaan dan sebagainya di bawah perhatian pegawai-pegawai Kementerian, kita selalulah menekankan dari segi sikap, disiplin dan sebagainya.

Kita selalu juga menekankan nilai-nilai turni dalam kehidupan kita, kita juga selalu menyampaikan kepada mereka dan jikalau masih ada kekurangan, kita berharaplah Ahli-ahli Yang Berhormat sebagai pemimpin-pemimpin di kawasan-kawasan atau tempatan yang bertanggung-jawab, jikalau anak buahnya masih ada kekurangan itu, kita berharap juga dengan cara yang mesra boleh juga kita selalu memberikan tunjuk ajar supaya kita bersama-sama dapat menyemaikan dari segi semangat, dari segi tindak-tanduk supaya bidan-bidan dan jururawat-jururawat desakita, kita dapat menerima pandangan dan tunjuk ajar yang baik daripada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Sungguhpun saya tidak melawat masih banyak hospital, baik daripada daerah maupun di bandar, tetapi di tiap-tiap negeri saya rasa

saya sudah buat lawatan dan juga sudah menerima taklimat daripada Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan daripada tiap-tiap negeri. Jadi, saya sedikit sebanyaklah dapat tahu hal-hal yang berlaku di dalam hospital-hospital, pusat-pusat kesihatan dan sebagainya, Jikalau ada tempat yang saya masih belum melawat tetapi jikalau ada saya masih berjawat sebagai Menteri Kesihatan, saya berharaplah satu hari nanti saya dapat melawat hospital-hospital yang saya belum sempat melawat lagi.

Yang Berhormat Senator Puan Habidah binti Jusoh ada juga menyentuh beberapa perkara khasnya berkaitan dengan pengangkutan untuk bidan dalam masa genting itu, barangkali dari segi komunikasi dan sebagainya ada masalah. Jadi, mengenai pengangkutan ini, pihak Kementerian pun mengambil berat terhadap masalah ini dan kita ada merancang satu skim atau satu cadangan yang mana kita berharap boleh dari segi pinjaman untuk mengadakan motosikal untuk kemudahan bagi bidan, dan ini barangkali kita akan membuat satu rancangan. Jikalau di sesuatu tempat masih ada kekurangan, saya berharap pengangkutan ini boleh dapat diawasi atau dapat bantuan daripada masyarakat tempatan.

Berkenaan dengan pindaan Akta ini dan juga dengan membuka Buku Dattar kepada bidan-bidan kampung ini, dari segi latihan, penyeliaan dan selepas itu bila bidan kampung ini dapat didaftarkan dari segi latihan, kita akan dapat berikan layanan. Tetapi dari -segi layanan yang mana dikatakan barangkali satu skim perkhidmatan atau bayaran dari segi layanan dapat diberi, kita masih belum ada satu skim lagi. Tetapi buat masa sekarang dengan adanya bidan-bidan kampung itu

telah didaftarkan dengan kami semenjak tahun 1972, ada 3,192 bidan di Semenanjung Malaysia. Kita juga dapat memberikan beg-beg dengan kadangkala sedikit alat-alatan dan juga kita ada penyeliaan daripada bidan-bidan yang berdaftar. Ini adalah satu cara yang mana kita akan dapat memberikan kepada mereka dan selepas 2 tahun mendapat penyeliaan, mereka akan dapat diberi peluang untuk didaftarkan sebagai bidan kampung. Apabila sampai masa itu kita akan mengadakan sedikit sebanyak lagi layanan kepada mereka, tetapi ini masih lagi dalam perancangan kita.

Senator A.K. Sivalingam menyebutkan beberapa perkara khasnya berkenaan dengan group hospitals. Group hospitals ini sekarang belum di bawah jagaan kami, tetapi apa yang disebut oleh beliau itu kita berharap sebelum bulan Disember tahun ini, kita akan dapat mendaftarkan semua hospital-hospital di ladang-ladang dan selepas itu kita berharap dari segi keraudahan, dari segi mengadakan pegawai-pegawai perubatan atau jururawat untuk menjalankan tugas itu dengan personnel yang lebih berkebolehan, kita berharap kita boleh raemelihara satu standard atau satu taral dan kita akan dapat memberikan layanan yang baik kepada pekerja-pekerja di dalam ladang-ladang.

Di masa sekarang di bawah Labour Code, sungguhpun ada peraturan-peraturan, tetapi kita masih rasakan tidak berapa mencukupi untuk mengadakan satu-satu.

Jadi, dengan pendaftaran ini di bawah Kementerian Kesihatan, kita rasa langkah ini barangkali lebih berkesan untuk kita memberikan perkhidmatan perubatan dan kesihatan kepada pekerja-pekerja di dalam ladang-ladang itu.

Jadi, di sini saya sebagai Menteri Kesihatan, sukalah merayu kepada pihak majikan daripada ladang-ladang khasnya ladang-ladang besar oleh kerana pada hari ini kita tahulah dari segi harga komoditi di dalam pasaran dunia barangkali sudah meningkat menjadi bernsur baik, dan dari segi keuntungan daripada ladang-ladang besar ini kita berharap sebahagian itu dapat diberikan balik kepada pekerja-pekerja dari segi memberikan layanan dan perkhidmatan perubatan kepada mereka supaya dari segi produktiviti ianya boleh menghasilkan banyak lagi keuntungan kepada ladang-ladang besar ini.

Jadi, ini tidak dijadikan satu alasan yang mana mereka tidak boleh berikan atau memainkan peranan untuk bersama-sama kita memberikan layanan yang lebih baik sedikit kepada pekerja-pekerja yang kita tahu pada hari ini dari segi produktiviti yang tinggi, kita bergantung banyak kepada pekerja-pekerja khasnya di ladang-ladang kita.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, Senator Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah juga menyampaikan beberapa perkara yang membina, khasnya dari segi sikap dan juga layanan kadangkala daripada

bidan-bidan kita dan ini kita ambil perhatian. Saya berharap melalui apa yang kita dapat kerjasama ini, dari segi sikap dan juga perjalanan tugas dan sebagainya, bidan-bidan kita akan dapat ditingkatkan ke satu tahap yang memuaskan. Dari segi menempatkan bidan-bidan di kawasan luar bandar dan juga doktor-doktor untuk ditempatkan di kawasati luar bandar, pihak Kementerian Kesihatan, khasnya Bahagian Perkhidmatan Kesihatan, berharaplah pada masa tahun-tahun yang akan datatig ini kita akan dapat atau akari meminta lebih jawatan-jawatan daripada PSD ataupun pihak berkenaan supaya kita akan dapat menempatkan. lebih doktor-doktor, khasnya di kawasan-kawasan luar batidor. Pada hari ini kita ada doktor-doktor yang di-tempatkan di pusat-pusat kesihatan dan juga di sebahagian pusat-pusat kesihatan kecil yang kita sudah meningkatkan tarafnya sudahpun ada doktor-doktor.

Jadi, kita berharaplah dengan mendapat kelulusan untuk lebih banyak jawatan yang kita minta **itu**, pada masa yang akan datang kita tentulah akan dapat menempatkan lagi banyak doktor di kawasan-kawasan luar bandar.

Cadangan supaya kita memberikan latihan agar banyak lagi bidan-bidan sukarela dapat dilahirkan, dari segi pendidikan kesihatan barangkali kita dapat memberikan latihan kepada orang ramai untuk ambil tahu sedikit sebanyak mengenai perbidanan. Tetapi dari segi mengamalkan perjalanan perbidanan itu, saya rasa cara yang teratur patut dibuat kepada bidan-bidan kampung atau jururawat-jururawat desa atau sesiapa yang mempunyai latihan yang cukup dari segi

perbidanan. Jikalau ada banyak yang hendak mendapatkan pendidikan perbidanan dan jikalau tempat latihan tidak cukup kadangkala perjalanan tugas ini barangkali tidak berapa sempurna. Jadi, kita akan ambil perhatian atas perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya sudah jawab perkara-perkara yang saya rasa penting dan patut dijelaskan di dalam Dewan ini.

Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan dan juga sokongan kepada Kementerian. Saya berharap mudah-mudahan dengan sokongan dan juga dengan memperluaskan pindaan Akta ini kepada Negeri Sabah dan Sarawak, kita akan dapat mengadakan satu Akta Bidan ini yang lebih menyeluruh, yang lebih sempurna, untuk Kementerian Kesihatan menjalankan perbidanan dalam negara kita ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan , dan disetujukan-

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Haji Shaharom **mempengerusikan Jawatankuasa**]

**Fasal 1 hingga 18**diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**USUL****ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**Tuan Haji Shaharom bin Maasom;** saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri membentangkan satu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 13(2), silakan,

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Megat Junid bin Megat**

**Ayob]:** Tuan Yatig di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 13(2) Dewan ini akan menimbangkan perkara 4 Rang Undang-undang Imigresen (Pindaan) 1988 dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini sebelum menimbangkan perkara 2 Rang Undang-undang Kesatuan Sekerja (Pindaan) 1988.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Haji**

**Hussein bin Ahmad]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Haji Shaharom bin Maason** Masalahnya ialah bahawa Usul atas nama Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri iaitu bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 13(2) Dewan ini akan menimbangkan perkara 4 Rang Undang-undang Imigresen (Pindaan) 1988 dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini sebelum menimbangkan perkara 2 Rang Undang-undang Kesatuan Sekerja (Pindaan) 1988 disetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 13(2) Dewan ini akan menimbangkan perkara 4 Rang Undang-undang Imigresen (Pindaan) 1988 dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini sebelum menimbangkan perkara 2 Rang Undang-undang Kesatuan Sekerja (Pindaan) 1988.

**RANG UNDANG-UNDANG IMIGRESEH (PINDAAN)****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**Tuan Haji Shaharom bin Maasom:** Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**6.13ptg.**

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Imigresen 1959/1963 dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua, yang telah dilantik menjadi Pengurus Persidangan Dewan pada petang ini.

**Tuan Haji Shaharom bin Maasom:** Terima kaaih.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Rang Undang-undang yang dibentangkan untuk pertimbangan Dewan yang mulia ini adalah bermatlamat untuk memelihara dan mengekalkan kestabilan sosial dan ekonomi serta ketenteraman awam dan keselamatan negara. Bagi mencapai matlamat ini, Akta Imigresen 1959/1963 perlulah dipinda, dikemaskini dan wujudkan beberapa peruntukan-peruntukan baru. Pengawalseliaan ke atas kemaaukan dan kehadiran orang-orang asing ke negara ini hendaklah dipertingkatkan supaya lebih berkesan dan sesuai dengan paredaran masa. Kewibawaan perlu diperkuatkan bagi mengelak keadaan-keadaan yang lampau dari berulang menggugat kestabilan negara. Adalah sangat penting Akta Imigresen 1959/1963 dipinda, diantaranya dari segi penyiasatan dan pendakwaan semoga masalah diatas menerusi puncanya. Pegawai Imigresen wajar dilengkap dan diperkuatkan dengan kuasa-kuasa penyiasatan dan

pendakwaan seperti memanggil dan memeriksa dan merakamkan kenyataan saksi-saksi atau sesiapa yang terlibat dengan kemasukan orang-orang asing secara tidak sah ke negara ini. Kuasa-kuaaa ini akan digunakan terhadap sasaran seperti habourer umpamanya, pelindung-pelindung kepada pendatang-pendatang tanpa izin dan mereka yang tinggal melebihi tempoh yang dibenarkan.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat tnaklum, pendakwa jawatan Imigresen Malaysia juga terbantut oleh lumrah undang-undang sekarang yang menetapkan bahawa pendakwaan ke atas sesuatu kesalahan hendaklah dinyatakan tarikh, masa dan tempat kesalahan itu dilakukan. Peraturan tersebut amatlah sukar sekali kerana pendatang-pendatang tanpa izin yang ditangkap di kawasan-kawasan terpencil dan mereka sendiri pun tidak mengetahui alamat tempat mereka tinggal. Akibatnya adalah sungguh mengecewakan kerana walaupun kesalahan jelas dilakukannya, pesalah atau yang tertuduh terlepas dari disabit dan dihukum semata-mata kerana penekanan peraturan itu. Malahan banyak kes-kes terbengkalai atau berlonggok di mahkamah-mahkamah dan di tempat-tempat penahanan. Kerajaan dibebankan terus dengan kehadiran orang-orang asing yang tidak diingini atau masuk tanpa kebenaran. Di samping itu, saya juga mencadangkan bahawa peruntukan kompaun diwujudkan supaya meringankan beban kerja mahkamah sambil mengenakan dengan segera denda atau penalti ke atas yang bersalah. Adalah wajar jua penalti dinaikkan supaya ianya mampu mencegah kesalahan berulang dengan kesan deterrentnya.

Tuan Yang di-Pertua, orang-orang asing yang dibenarkan masuk dan tinggal di negara ini hendaklah mematuhi sepenuhnya apa-apa syarat kehadiran mereka. Mereka yang engkar hendaklah meninggalkan negara ini. Sekiranya kehadiran mereka memudaratzkan ketenteraman awam atau mengancam keselamatan negara, mereka hendaklah dikeluarkan dengan segera. Apabila tindakan Kerajaan jelas menunaikan kepentingan negara dan tindakan itu perlu diambil dengan segera, Kerajaan wajarlah diberi kuasa untuk bertindak tanpa terlebih dahulu memberi peluang didengari atau tunjuk sebab kepada pesalah. Budibicara Kerajaan hendaklah mutlak. Kuasa Menteri Dalam Negeri mengawalselia kamasukan dan kehadiran orang-orang asing atau mereka yang tidak diingini beserta dangan tanggungan mereka dicadangkan menjadi kuasa yang mutlak dan muktamad dan tidak boleh dirayu atau dipersoalkan di mahkamah. Kuasa ini akan diperuntukkan dengan-jelas dalam' Akta (Pindaan) Imigresen.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh Fasal-fasal, dalam Rang Undang-undang ini satu persatu.

**Fasal 2.** Fasal 2 dalam Rang Undang- undang ini bertujuan meminda seksyen 2(1) dengan memasukkan perkataan "vehicle" dan juga untuk menghuraikan di dalam subseksyen (3) apa yang dimaksudkan dengan perkataan-perkataan "unlawfully entering, re-entering, or remaining in Malaysia", dengan izin.

**Fasal 3** seksyen 6 dipinda dengan memasukkan satu subseksyen baru, iaitu subseksyen 6(4) dengan tujuan meletakkan beban di atas orang yang masuk ke negara ini untuk membuktikan bahawa ia telah masuk secara sah. Peruntukan juga dibuat supaya pihak pendakwa

tidak perlu membuktikan tarikh, masa, tempat dan cara kemasukan seseorang warganegara asing ke negara ini dan pendakwaan boleh dilakukan di mana-mana tempat di Malaysia. Ini adalah untuk mengelakkan kes-kes kemasukan secara tidak sah daripada terbengkalai atau mengharapakan urusan menghantar balik orang-orang asing yang tidak diingini.

**Fasal 4** seksyen 8 Akta ibu perlu diperkemaskan untuk mengataai masalah di mana seseorang yang dilarang masuk ke negara ini atau orang-orang yang telah dibatal pas atau permit mereka enggan meninggalkan atau terus tinggal di Malaysia semata-mata kerana tiada peruntukan bahawa mereka itu tidak boleh terus berada di negara ini. Dengan itu seksyen 8(2) dan (3) dicadangkan dipinda dengan memperuntukkan secara jelas bahawa seseorang warganegara asing yang telah dilarang kemasukannya ataupun pas ataupun permitnya dibatal di bawah seksyen 9 tidak boleh lagi terus berada di negara ini. Seksyen 8(6) pula menjelaskan bahawa seseorang pendatang larangan yang tertakluk kepada perintah di bawah seksyen 9 tidak boleh lagi merabut rayuan kepada Menteri untuk masuk ke negara ini.

**Fasal 5** adalah dicadangkan bahawa sekayen 9 Akta itu diganti dengan mewujudkan satu seksyen 9 yang baru dengan tujuan memberi kuasa mutlak kepada Ketua Pengarah Imigresen untuk:-

- (i) melarang kemasukan ke Malaysia mana-mana warganegara asing atas alasan keselamatan atau kepentingan negara;
- (ii) membatalkan sesuatu pas mengikut budibicara mutlaknya; dan
- (iii) membatalkan sesuatu permit jika beliau berpuashati bahawa kehadiran atau kemasukan pemegang permit di Malaysia akan memudharatkan ketenteraman, keselamatan dan kesihatan awam atau kemoralan.

Seksyen 9 baru ini juga membuat peruntukan jika seseorang pemegang pas atau permit yang telah dibatalkan itu berada di Malaysia, ia adalah dilarang daripada terus berada di sini dan hendaklah dieluarkan dari Malaysia dan selanjutnya dilarang masuk ke negara ini. Sekiranya pemegang pas atau permit itu berada di luar Malaysia, ia akan dilarang memasuki di negara ini. Peruntukan ini juga terpakai ke atas orang-orang tanggungannya yang namanya dicatatkan di dalam pas atau permit yang telah dibatalkan itu,

Selain daripada perkara di atas, peruntukan juga dibuat di bawah sekayen 9 ini bagi membolehkan orang yang tidak berpuashati terhadap tindakan Ketua Pengarah Imigresen melarang kemasukan atas membatal pas atau membatal permitnya untuk membuat rayuan kepada Menteri.

Fasal 6 adalah dicadangkan diwujudkan satu seksyen baru selepas seksyen 9, iaitu seksyen baru 9A. Seksyen ini memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Imigresen untuk menghadkan bilangan dan tempoh tinggal orang asing di negara ini atas alasan keselamatan atau kepentingan negara.

Fasal 7 seksyen 11 dipinda untuk menyatakan seseorang yang namanya tercatat dalam pas tidak perlu memohon permit masuk semula.

Fasal 8 seksyen 15 Akta ibu perlu dipinda dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen (1) baru untuk menyatakan dengan jelas keadaan-keadaan di mana seseorang itu dilarang daripada tinggal di Malaysia seperti selepas pembatalan atau tamat tempoh sah laku pas atau permit.

Fasal 9 sementara itu dicadangkan pindaan seksyen 20 dibuat supaya kesalahan-kesalahan di bawah seksyen 20 ini dikenakan penalti di bawah seksyen 57.

Fasal 10 pada masa sekarang Kerajaan menanggung beban menghantar keluar orang-orang asing yang dilarang masuk apabila kapal atau pesawat udara yang membawa mereka masuk ke negara ini telah berlepas meninggalkan Malaysia. Bagi mengatasi masalah tersebut, seksyen 24 dicadangkan dipinda dengan menambah subseksyen baru (5) yang mempertanggungjawabkan nakhoda kapal atau kapten pesawat udara atau tuanpunyanya atau penyewa yang membawa orang yang akan diusir dari Malaysia tiba, menerima orang itu ke dalam kapal atau pesawat udaranya dan membawa orang itu dengan percuma ke tempat di mana orang itu berlepas untuk datang ke Malaysia.

Seksyen 24(6) diwujudkan dengan tujuan menjadikan satu kesalahan sekiranya nakhoda kapal atau kapten pesawat udara itu gagal mematuhi kehendak Pegawai Imigresen di bawah seksyen 24(5) di atas. Selanjutnya subseksyen (7) bermaksud membantu penguatkuasaan yang lebih berkesan yang mana Pegawai Imigresen diberi kuasa untuk menggunakan kekerasan jika perlu ke atas orang yang dilarang masuk ke Malaysia yang engkar mematuhi arahan Pegawai Imigresen supaya ia keluar dari negara ini.

Fasal 11 Rang Undang-undang ini bertujuan meminda Seksyen 26 Akta untuk menjadikan kesalahan di bawah Seksyen ini boleh dikenakan penalti di bawah Seksyen 57.

Fasal 12 Rang Undang-udang bertujuan meminda seksyen 27 dengan menggugurkan proviao pada seksyen itu mengenai penahanan seseorang pelawat kerana kuasa ini telah diperuntukkan di bawah Seksyen- 51,

Di bawah Fasal 13 Rang Undang-undang ini Seksyen 29 dibatalkan kerana kuasa Pegawai Imigeresen untuk mengarah seseorang yang masuk ke Malaysia menjalani pemeriksaan perubatan diperuntukkan di bawah Seksyen 39A yang baru.

Fasal 14. Lanjutan daripada pindaan ke atas Seksyen 9, Seksyen 33, Akta ibu perlu dipinda bagi menghalang sebarang rayuan daripada seseorang yang dilarang masuk dibuat kepada Menteri.

Fasal 15 bertujuan meminda Seksyen 34 dengan merobah rangkai kata supaya menjadi lebih kemas, berhubung dengan kuasa 'menahan' orang-orang yang akan diusir. Pindaan ini berbangkit "kerana pindaan ke atas Seksyen 51.

Fasal 16 Rang Undang-undang bertujuan meminda Seksyen 36 Akta untuk menjadikan kesalahan di bawahnya boleh dihukum dengan penalti am di bawah Seksyen 57.

Fasal 17. Di bawah Akta sekarang Pegawai Imigeresen tidak dapat membuat penyiasatan dengan berkesan kerana mereka tidak mempunyai kuasa yang khusus untuk menjalankan siasatan. Bagi mengatasinya adalah dicadangkan supaya Seksyen 39A baru diwujudkan bagi memberi kuasa kepada Pegawai Imigresen untuk membolehkan mereka menjalankan dengan berkesan tugag-tugas siasatan. Di antara lain seksyen ini mewajibkan seseorang untuk menghadir diri dan menjawab soalan-soalan

dan menjalani pemeriksaan kegihatan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan. Pegawai Imigresen seterusnya diberi kuasa untuk merekod pertanyaan atau membuat inquiry atau mengambil bukti.

Fasal 18. Pindaan keatas Seksyen 40 melibatkan penggantian sub-sekayen (1) dengan subseksyen (1) baru dan (3). Ini adalah untuk menyatakan dengan jelas keadaan-keadaan dalam mana Ketua Pengarah Imigresen boleh memanggil dan memeriksa saksi-saksi dan menghendaki sesuatu kenyataan dibuat atau dokumen tertentu dikeluarkan oleh saksi-saksi. Pindaan ini juga memperuntukkan apa-apa pernyataan atau dokumen yang dikemukakan boleh diterima sebagai keterangan atau bukti dalam apa-apa prosiding dalam Mahkamah di bawah Akta ini terhadap saksi atau terhadap mana-mana orang lain.

Fasal 19. Dengan peredaran masa hukijman denda yang boleh dikenakan bagi kesalahan di bawah Seksyen 43 sekarang didapati tidak menjadi satu deterrent. Dengan demikian seksyen ini adalah dipinda dengan meningkatkan hukuman menjadi tidak kurang daripada \$1,000 dan tidak lebih daripada \$5,000. Hukuman di dalam Akta sekarang ialah tidak kurang daripada \$200 dan tidak lebih daripada \$4,000.

Fasal 20. Fasal 20 Rang Undang-undang bertujuan meminda Seksyen 50 Akta untuk meluaskan skop kuasa soal siasat Pegawai Imigresen berhubung dengan cara perjalanan masuk yang dikenakan oleh seseorang yang dipercayai boleh diusir dari Malaysia. Bagi memudahkan Pegawai-Pegawai Imigresen menjalankan siasatan, skop soal siasat Pegawai-pegawai Imigresen perlu diperluaskan. Pada masa sekarang Pegawai Imigresen hanya berkuasa untuk mengemukakan soalan-soalan berhubung dengan perkara-perkara yang tertentu, iaitu berhubung dengan butir-butir peribadi, kewarganegaraan dan pekerjaan.

Pengalaman di dalam perkara ini menunjukkan maklumat-maklumat di atas tidak mencukupi. Dengan yang demikian Seksyen 50 perlu dipinda dengan menambahkan senarai perkara-perkara yang boleh disiasat oleh Pegawai-pegawai Imigresen iaitu untuk menunjukkan secara terperinci cara perjalanan yang digunakan oleh seseorang itu.

Fasal 21. Sepertimana Dewan yang mulia termaklum, sesi Parlimen yang lepas telah meluluskan pindaan ke atas Perkara 5 Perlembagaan Persekutuan. Pindaan tersebut ada kaitannya dengan Akta Imigresen 1959/63 iaitu Seksyen 51. Berikutan daripada itu Seksyen 51 Akta Imigresen perlu dipinda bagi menyelaraskan dengan kehendak Perlembagaan Persekutuan. Di bawah cadangan pindaan ini satu Seksyen baru 51(5a) perlu diwujudkan yang menetapkan seseorang warganegara Malayaia yang ditangkap dan ditahan di bawah Akta ini, jika ianya tidak dapat didakwa dalam masa 24 jam dari masa ia ditangkap dan ditahan, maka ia hendaklah dikemukakan kepada Magistret, yang membuat perintah supaya orang itu ditahan selama satu masa, yang diperlukan oleh Ketua Pengarah Imigeresen.

Subseksyen (5)(b) baru pula mengehendaki seseorang rakyat asing yang ditangkap dan ditahan di bawah Akta ini jika ianya tidak dapat dikeluarkan dari Malaysia atau tidak didakwa ia hendaklah dibawa ke hadapan Magistret dalam tempoh 14 hari yang akan membuat perintah supaya orang itu ditahan selama satu masa yang diperlukan oleh Ketua Pengarah Imigresen.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 22. Pada masa ini semua kes-kes kesalahan di bawah Akta Imigresen 1959/63 dihadapkan di Mahkamah oleh kerana tidak ada sebarang kuasa untuk mengkompaunkan kesalahan. Ini didapati melambatkan penyelesaian kes-kes yang seterusnya

menyebabkan kesesakan di tempat-tempat tahanan. Bagi mengatasi masalah ini satu peruntukan baru Seksyen 54 (1)(k) diwujudkan yang bertujuan memberi kuasa kepada Menteri menetapkan melalui peraturan-peraturan tertentu kesalahan-kesalahan yang boleh dikompaun. Pegawai-pegawai yang boleh mengkompaunkan mereka, kadar kompaun yang boleh dipungut, prosedur yang hendak dipatuhi, borang-borang yang akan digunakan dan perkara-perkara lain berhubung dengan pengkompaunan tersebut-sebut.

Fasal 23. Berhubung dengan kesalahan-kesalahan yang dilakukan di bawah Akta Imigresen adalah dicadangkan selanjutnya Seksyen 56(1) dipinda dengan mewujudkan subseksyen baru 56(1A) untuk menjadikan kesalahan bagi seseorang yang cuba melakukan apa-apa perbuatan persediaan untuk atau bagi mencapai perlakuan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini atau bersubahat atau melibatkan diri dalam komplot jenayah untuk melakukan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini dan menetapkan hukuman yang boleh dikenakan bagi kesalahan-kesalahan itu. Walau bagaimanapun, subseksyen (1B) memperuntukkan bahawa seseorang warganegara Malaysia tidak boleh diusir keluar dari negara ini disebabkan oleh kesalahan di bawah subseksyen (IA).

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 24. Sepertimana yang dinyatakan sebelum ini iaitu berkaitan dengan pindaan Seksyen 43, hukuman denda yang berkuatkuasa sekarang tidak lagi memberi kesan sebagai satu deterrent, dengan izin. Untuk Makluman Dewan yang mulia ini hukuman denda di bawah Akta Imigresen dibuat pada tahun 1952 dahulu dan kini ia telah tidak sesuai lagi. Oleh yang demikian, adalah dicadangkan Seksyen 57 sekarang dipinda dengan meningkatkan penalti dari denda yang tidak melebihi \$2,000 atau hukuman penjara tidak melebihi 6

bulan atau kedua-duanya sekali kepada denda tidak melebihi \$10,000 atau hukuman penjara tidak melebihi 5 tahun, atau kedua-duanya sekali.

Tuan Yang di-Partua, ada masa lagikah atau boleh saya teruskan?

**Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom:** Panjang lagikah?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Ada dua muka surat lagi.

**Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom:** Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana masa sudah cukup, Dewan ditangguhkan dan Yang Berhormat Menteri bolehlah menyambung pembentangannya pada hari esok, 2hb Disember, 1988, jam 3.00 petang.

**Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.**